PERPUSTAKAAN UNIVERSITI MALAYA
PERKHIDMATAN REPROGRAFI
UNIVERSITY OF MALAYA LIBRARY
REPROGRAPHIC SERVICE

INI IALAH SALINAN MIKROFIS BAHAN DALAM PEGANGAN BAHAGIAN KOLEKSI KEBANGSAAN, PERPUSTAKAAN UNIVERSITI MALAYA

THIS IS THE MICROFICHE COPY OF ITEM HELD IN THE NATIONAL COLLECTION DIVISION, UNIVERSITY OF MALAYA LIBRARY

# MULA

# START

Mikrofis 11310 A12-6816

# KERTAS PROJEK.

PENGAJIAN HADITH; KEBERKESANAN KEPADA KEILMUAN DAN PEMBENTUKAN AHKLAK, SATU KAJIAN DI SEKOLAH TINGGI AGAMA SULTAN ABU BAKAR, PAHANG, PEKAN, PAHANG.


**PENULIS.**

ZAEDA BINTI ZAKARIA / ABD. SALAM.

**PENYELIA.**

USTAZ PAUZI BIN DERAMAN.


LATIHAN ILMIAH INI ADALAH MEMENUHI SALAH SATU SYARAT

UNTUK IJAZAH SARJANA MUDA USULUDDIN


FAKULTI USULUDDIN,
AKADEMI ISLAM, UNIVERSITI MALAYA,
KUALA LUMPUR.


1989 / 90.

PENGAJIAN HADITH; KEBERKESANAN KEPADA KEILMUAN DAN PEMBENTUKAN AKHLAK, SATU KAJIAN DI SEKOLAH TINGGI AGAMA SULTAN ABU BAKAR PA HANG, PEKAN, PAHANG,

ZAEDA BTE ZAKARIA/ ABD. SALAM.
FAKULTI USULUDDIN,
AKADEMI ISLAM,
U. MALAYA.

| | |
|---|---|
| (Tanda tangan penyelia) | 15/2/90 (Tarikh) |
| (Tanda tangan Dekan) | 15/2/90 (Tarikh). |

بسم الله الرحمن الرحيم

قال رسول الله (صلعم):

تركت فيكم أمرين إن تمسكتم فلن
تضلوا أبدا كتاب الله وسنة رسوله.

سبدا رسول الله (صلعم) :

اكو تيڠݢلكن كفد كامو دوا فركارا، جيك
كامو مڽمڤوتڽ، مك كامو تيدق اكن
سست سلام٢ڽ، كتاب الله دان
سنة رسولڽ.

# DEDIKASI.

Dari sejambak rasa,

Untuk datuk dan nenek yang telah menemui Ilahi,

Semoga roh kalian dicucuri rahmat,

untuk ayah dan bonda,

pengorbanan dan kasih kalian tiada galang-gantinya,

untuk semua yang diingati,

untuk semua yang menyayangi.

## KATA PENGANTAR.

Assalamualaikum, warahmatullahi wabarakatuh.

Alhamdulillah syukur kepada Allah s.w.t. dengan limpah kurnianya telah memberi taufik dan hidayah kepada penulis untuk meneruskan penulisan yang tidak seberapa ini. Salawat dan salam ke atas junjungan besar Nabi Muhammad sebagai Rasul pilihan dan para sahabat baginda yang dikasihi serta dimuliakan yang sentiasa mendapat perlindungan di sisi Allah.

Penulisan kertas projek ini adalah salah satu syarat untuk lulus di dalam Ijazah Sarjana Muda Usuluddin. Ia diwajibkan kepada semua peajar tahun akhir Fakulti Usuludin setelah empat tahun menjalani proses pembelajaran di sini. Setiap pelajar dikenakan memberi satu tajuk utama dan satu lagi tajuk pilihan serta beberapa orang penyelia untuk kertas projek ini. Kemudian perkara ini akan dibawa mesyuarat lembaga penyelaras kertas projek untuk dibuat permilihan dan keputusan.

Tajuk yang dipilih oleh penulis ialah" Pengajian Hadith;ke berkesanan kepada keilmuan dan pembentukan akhlak, satu kajian di Sekolah Tinggi Agama Sultan Abu Bakar Pahang, Pekan, Pahang". Tajuk yang dipilih ini adalah di atas nasihat ustaz Fauzi Deraman setelah dibuat perbincangan dengan penulis dan telah dipersetujui oleh Lembaga Penyelaras kertas projek. Dengan ini ia sedikit seba

nyak dapat membantu penulis menyelidik sejauh mana pengajian Hadith dapat membantu penulis menyelidik sejauh mana pelajaran Hadith dapat membentuk tradisi keilmuan dan akhlak yang mulia. Di samping itu penulis juga mengambil kesempatan untuk mendalami ilmu pengetahuan ini dan memperbaiki Bahasa Arab dengan beberapa kajian perpustakaan. Penulis juga dapat meluaskan pergaulan dan fikiran dengan adanya interaksi dengan orang ramai dan berbagai lapisan masyarakat.

Penulis telah menyusun kertas projek ini dengan sebaik mungkin dan semoga memberi kepuasan kepada penyelia dan penyelaras. Segala tunjuk ajar yang diberi, penulis dahului dengan ucapan terima kasih. Penulis memohon maaf sekiranya ada kekurangan hasil daripada kelemahan penulis.

Sekian, wassalamualaikum, warahmatullahi wabarakatuh.

ZAEDA BINTI ZAKARIA / ABD.SALAM.

FAKULTI USULUDDIN,

AKADEMI ISLAM,

UNIVERSITI MALAYA,

KUALA LUMPUR.

## PENGHARGAAN.

Segala puji-pujian tertentu kepada Allah seterusnya salawat dan salam ke atas Rasulullah s.a.w., isteri-isteri Baginda, dan para sahabat Baginda sekelian.

Alhamdulillah, syukur penulis kepada Allah yang telah memberi petunjuk dalam membuat penyelidikan yang bersangkutan dengan agama. Jika tidak kerana pertolongan Allah nescaya penulis akan dipengaruhi oleh syaitan dan nafsu yang tidak terkawal. Begitu juga dengan idea-idea yang diberikan oleh Allah di dalam penyusunan kertas projek ini.

Penghargaan juga kepada penyelia dan Lembaga Penyelaras Kertas Projek. Terima kasih penulis kepada Ustaz Pauzi Bin Deraman sebagai penyelia penulis, salah seorang pensyarah di Fakulti Usuluddin, Universiti Malaya, kerana bersedia mengambil penulis di bawah bimbingannya. Beliau banyak memberi tunjuk ajar di dalam menyiapkan kertas projek ini. Begitu juga dengan Lembaga Penyelaras yang bersetuju dengan tajuk ini. Kepercayaan yang diberikan akan penulis gunakan sebaik mungkin.

Pihak lembaga sekolah dan kakitangan sekolah juga banyak membantuk penulis menyelesaikan beberapa kajian luar terutamanya maklumat tentang sekolah. Mereka juga telah memberi bantuan dari

sudut penginapan dan makanan selama beberapa hari penulis membuat penyelidikan di sana. Tidak lupa kepada para pelajar yang banyak memberi kerjasama dan menghargai kedatangan penulis. Semua soalan yang diberikan dijawab dengan baik oleh mereka.

Penghargaan juga ditujukan kepada kedua ibubapa penulis yang telah bertungkus lumus memberikan sokongan moral, material, didikan dan galakan. Tanpa dorongan keduanya dan semangat yang kuat penulis mungkin menganggap remeh kepada kerja ini. Kedua budi mereka akan dibalas dengan kejayaan penulis mendapat Ijazah Sarjana Muda nanti.

Seterusnya penghargaan kepada pihak-pihak lain yang terlibat iaitu; Bahagian Pelajaran, Jabatan Agama Islam Pahang, jabatan Penerangan Pekan Pahang, Jabatan Penerangan Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur, Jabatan Pemetaan Pekan Pahang, Jabatan Pemetaan Wilayah persekutuan Kuala Lumpur, Perpustakaan utama Universiti Malaya, Perpustakaan Islam, Pusat Islam, Kuala Lumpur, Perpustakaan Dakwah Islamiah, Pekan, Pahang, Perpustakaan Negeri Pahang, Kuantan Pahang, Perpustakaan Universiti Islam Antarabangsa, semua pensyarah Fakulti Usuluddin dan Dekan Fakulti Usuluddin serta individu-individu yang terlibat secara langsung atau tidak langsung dengan penyelidikan ini. Segala jasa dan kerjasama yang mereka taburkan hanya Allahlah yang memberi ganjaran yang setimpal.

## PERUTUSAN DARI SINOPSIS.

Dewasa ini kerap kali berlaku penyelewengan oleh umat Islam yang menyentuh masalah kemantapan agama Islam dari sudut keilmuan dan pembentukan akhlak. Tradisi keilmuan dan pembentukan akhlak kurang diberi perhatian. Kebanyakan mereka hari ini sentiasa disibukkan dengan memburu kehidupan bersosial dan berekonomi tanpa melihat nilai kerukunan pembangunan manusia sebenar. Di atas dasar mengembalikan semula sikap yang sebenar ini, penulis cuba menyingkap kembali secara ilmiah kedudukan sebahagian masyarakat di dalam mengembalikan semula tradisi keilmuan dan kepatuhan kepada akhlak yang benar iaitu akhlak Rasulullah sebagai pemimpin umat seluruhnya.

Jika kita lihat kepada pembangunan teknologi kini kebanyakannya menjuruskan kepada pembangunan manusia. Tetappi yang sedihnya pembangunan tersebut kekadang tidak menjuruskan kepada konsep kemanusian dan keilmuan yang sebenarnya. Berlakulah apa yang dikatakan kerosakan pembangunan insan beriman dan bertaqwa. Generasi Islam yang mengharapkan pembangunan baik dari sudut keagamaan, politik, ekonomi dan sosial-budaya yang bertamadun perlu kepada tahap keilmuan yang tinggi dan akhlak yang seiring dengan tuntutan Islam. Kesemua ini terhimpun di dalam diri Rasulullah sebagai penerima Al-Quran dan pemimpin umat seluruhnya. Pada Al-Quran dan As-Sunnah terhimpun pegangan umat Islam dan sentiasa mencapai matlamat pembangunan insan sejati.

Penulis telah memfokaskan kajian di Sekolah Tinggi Agama Sultan Abu Bakar Pahang, Pekan ,Pahang. Sekolah ini dipilih memandangkan ia sebuah sekolah peringkat tinggi di Pahang dan merupakan peringkat yang matang dan penting di dalam perubahan generasi akan datang. Penggunaan permikiran dan kesedaran yang tinggi penting untuk memikirkan kepentingan ilmu pengetahuan Islam serta dikaitkan dengan perlaksanaan akhlak yang baik.

Penulis telah membahagikan latihan ini kepada lima bab; dimulai dengan pendahuluan, landasan teori, metodologi penyelidikan , analisa data dan penutup. Setiap bab menerangkan pengisian yang berbeza.

Di dalam bab pertama, penulis telah membentangkan pengertian tajuk dan rumusan masalah, latar belakang masalah, tujuan penyelidikan, metodologi secara ringkas dan susunan penulisan. Metod metod tertentu digunakan untuk tujuan ini.

Pada bab kedua, diterangkan landasan teori yang digunakan sebagai panduan penulis sepanjang penyelidikan. Benar atau tidak kajian adalah bergantung kepada landasan teori ini.

Bab ketiga menggariskan beberapa metodologi penyelidikan iaitu metod-metod yang digunakan sepanjang penyelidikan baik dari sudut pengumpulan data, penulisan, analisa data sehingga menghasilkan keputusan dan kesimpulan. Terdapat berbagai metod yang ber

lainan bagi kemudahan kajian penulis.

Bab keempat pula dimuatkan dengan analisa data-data yang diperolehi. Ini merupakan kemuncak kajian yang dapat mendedahkan situasi sebenar yang berlaku. Beberapa statistik akan dibuat.

Pada bab kelima, iaitu bab yang terakhir merupakan penutup kepada kajian penulis dan penulisannya. Penulis telah memuatkan di dalamnya beberapa resolusi, keputusan penyelidikan dan saranan saranan. Setiap keputusan dan saranan yang terhasil adalah berdasarkan landasan teori tadi. Keputusan dan saranan penulis adalah pendirian dan pandangan penulis sendiri tanpa dipengaruhi oleh mana-mana pihak kecuali pada bahagian-bahagian tertentu.

Keputusan yang terhasil di dalam kajian ini merupakan penyelidikan penulis yang terbaik. Sebarang kekurangan adalah berpunca daripada pemerhatian, temuramah, kaji selidik dan daya kreativiti penulis yang terbatas. Segala kelemahan tersebut perlulah di baiki oleh generasi pengkaji-pengkaji yang akan datang bagi memantapkan lagi kebenaran. Perubahan akan sentiasa berlaku mengikut keadaan, masa dan tempat.

## KEPENDEKKAN.

| | |
|---|---|
| SPM | : Sijil Pelajaran Malaysia. |
| STA | : Sijil Tinggi Agama. |
| STPM | : Sijil Tinggi Pelajaran Malaysia. |
| STASAB | : Sekolah Tinggi Agama Sultan Abu Bakar. |
| MAIDARMP | : Majlis Agama Islam Dan Adat Resam Melayu Pahang. |
| JAIP | : Jabatan Agama Islam Pahang. |
| KPM | : Kementerian Pelajaran Malaysia. |
| UKM | : Universiti Kebangsaan Malaysia. |
| UM | : Universiti Malaya. |
| USM | : Universiti Sains Malaysia. |
| UTM | : Universiti Teknologi Malaysia. |
| UIA | : Universiti Islam Antarabangsa. |
| UUM | : UNiversiti Utara Malaysia. |
| UPM | : Universiti Pertanian Malaysia. |
| M/S | : Mukasurat. |

## ISI KANDUNGAN.

**Daftar isi** **Mukasurat.**

---


Motto

Dedikasi

---

Kata pengantar .................................i

Penghargaan .................................iii

**Perutusan dari sinopsis** .................................v

Kependekan .................................viii

Transilasi .................................ix

---

**Bab Pertama : Pendahuluan.**

1.1. Pengertian tajuk .................................2

1.2. Latarbelakang masalah .................................5

Sejarah penubuhan sekolah .................................5

Perkembangan fizikal dan akademik sekolah .................................7

Sistem persekolahan .................................9

Sistem peperiksaan .................................11

Jumlah pelajar dan mata pelajaran .................................14

1.3. Metodologi penyelidikan .................................17

1.4. Susunan penulisan .................................18

---

**Bab Kedua : Landasan Teori.**

2.1. Hadith dan sunnah .................................20

2.2. Pengertian hadith dari sudut bahasa .....................20

2.3. Pengertian hadith dari sudut istilah ....................22

2.4. Jejak akhlak Rasulullah ...............................24

Pengertian akhlak secara umum ..........................24

Pengertian akhlak dari sudut bahasa ....................25

Pengertian akhlak dari sudut istilah ...................26

2.5. Pengajian hadith ke arah membentuk

tradisi keilmuan dan kesepaduan ilmu pengetahuan ........36

2.6. Al-Quran dan Hadith

tunjang pendidikan Islam ...............................45

Objektif pendidikan di zaman Rasulullah ................47

2.7. Mata pelajaran hadith di sekolah ......................50

Matlamat dan objektif pengajian ........................50

Teks pengajian hadith ..................................51

Masa pengajian .........................................52

Sistem pengajaran ......................................52

---

**Bab Ketiga : Metodologi Penyelidikan .**

3.1. Pengertian metodologi .................................55

3.2. Pengertian penyelidikan ...............................55

3.3. Pembahagian dan penggunaan metodos ....................56

Metod pengumpulan data .................................56

Kajian perpustakaan ....................................57

Kajian di lapangan .....................................60

Metod analisa data .....................................64

**Bab Keempat : Analisa Data.**


4.1. Latarbelakang masalah ........................................67

Bilangan pelajar yang terlibat ........................................67

Bilangan guru yang terlibat ........................................67

4.2. Pengajian hadith di sekolah ........................................67

Permilihan hadith dan syarat permilihan ........................................68

Bilangan hadith yang berkaitan dengan akhlak ........................................69

4.3. Peranan guru di dalam pengajian hadith ........................................69

Mengambil berat tentang kefahaman pelajar ........................................69

Objektif pengajian dan minat pelajar ........................................70

Kesediaan mengajar ........................................71

Keaktifan pelajar semasa pengajian ........................................71

Kehadiran pelajar ........................................72

4.4. Peranan pelajar di dalam

pendekatan terhadap pengajian hadith ........................................74

Tujuan mempelajari hadith ........................................74

Minat dan kefahaman pelajar ........................................75

Merealisasikan hadith di dalam kehidupan ........................................77

Pandangan pelajar terhadap

Teknik pengajaran guru hadith di sekolah ........................................79

4.5. Hubungan pengajian

hadith dengan tradisi keilmuan di sekolah ........................................80

Hadith sebagai tunjang ilmu

pengetahuan yang kedua penting ........................................80

4.6. Hubungan pengajian hadith dengan

pembentukan akhlak ........................................81

4.7. Permasalahan pelajar sepanjang pengajian ................83
4.8. Cadangan-cadangan pelajar dalam
memperbaiki pengajian hadith dan sikap pelajar ..........84

---

**Bab Kelima : Penutup.**

5.1. Kritik dan komentar penulis ..............................85
Sikap guru ..................................................85
Sikap pelajar ...............................................88
Masa pengajian ..............................................91
5.2. Saranan dan cadangan penulis ............................91
Saranan penulis .............................................92
Cadangan penulis ............................................93

---

Bibliografi
Lampiran

# BAB PERTAMA.

## PENDAHULUAN.

STASAB adalah sebuah sekolah yang banyak berjasa kepada perkembangan agama Islam dari sudut ilmu pengetahuan dan kelahiran tokoh-tokoh agama yang berkelibar. Di sinilah fokas kajian penulis. Permilihan dibuat berdasarkan beberapa faktor iaitu;

a) Dari sudut pengalaman, sekolah ini merupakan sekolah yang agak tua di Pahang. Pengalaman sekolah yang panjang ini boleh memberi maklumat yang baik dan berkesan kepada kajian.

b) Sekolah tersebut merupakan tempat pengajian penulis selama dua tahun iaitu enam rendah dan atas pada tahun 1984 dan 1985. Penulis telah alami sendiri tentang kepincangan dan kelemahan pelajar pelajar dari sudut keilmuan dan akhlak.

c) Kesan daripada itu penulis ingin mencari punca sebenar kepincangan tersebut bagi tujuan ingin memperbaiki dan memajukan sekolah.

d) Generasi yang berada di sekolah ini merupakan generasi yang meningkat kematangannya dan perlu diberi kesedaran yang secukupnya untuk berhadapan dengan masalah dan tuntutan masyarakat apabila keluar nanti.

Bertolak dengan itu penulis mengambil kesempatan yang ada bagi me

mperbaiki keadaan dan meningkatkan prestasi akademik dan akhlak para pelajar di sekolah ini. Walau bagaimana pun kajian penulis hanya tertumpu kepada para pelajar yang mengambil matapelajaran Hadith sahaja. Ada sebahagian pelajar yang tidak termasuk di dalam senarai tetapi ia sudah mencukupi sebagai golongan mejoriti di sekolah ini.

**1.1 Pengertian tajuk dan rumusan masalah.**

Tajuk, "Pengajian hadith; keberkesanan kepada keilmuan dan pembentukan akhlak, satu kajian di STASAB", mengandungi pengertian yang tersendiri dan permasalahan yang tersirat. Ia perlu dibentangkan dan diberi penerangan yang terperinci.

Perkataan "pengajian" adalah berasal dari perkataan "aji" yang bermaksud harga atau nilai dan hikmat.[1] Sementara "pengajian" bermaksud segala yang berkaitan dengan mengajar yang merangkumi cara-cara, sistemnya dan lain-lain.[2]

Perkataan "Hadith" bermaksud "as-Sabda" iaitu perbuatan atau kelakuan Nabi Muhammad yang diriwayatkan oleh sahabat-sahabatnya di dalam menjelaskan hukum-hukum Allah.[3] Ulama Hadith pula berpendapat Hadith ialah segala apa yang dapat difahami daripada Na-

---

1) Dr.Teuku Iskandar, Kamus Dewan, Dewan Bahasa Dan Pustaka, Kuala Lumpur, 1984 , m/s 15.
2) ________, Kamus Bahasa Malaysia Edisi Pelajar, Dewan Bahasa Dan Pustaka, Kuala Lumpur, cetakan 1 , 1984 , m/s 7.
3) Dr. Teuku Iskandar, op.cit, m/s 362

bi Muhammad kemudian diceritakan oleh orang lain tentang yang dicakapkan, yang diperbuat dan pengakuan oleh Nabi sendiri.[1]

Perkataan "keberkesanan" berasal dari kata "kesan" yang bermaksud bekas, jejak atau tanda akibat daripada sesuatu yang timbul daripada sesuatu kejadian atau perasaan dan fikiran yang timbul akibat daripada penyaksian.[2] Sementara "berkesan" pula mempunyai maksud kesan atau bekas atau meninggalkan bekas atau menimbulkan hasil iaitu perubahan, perkembangan akibat dan lain-lain dan mendatangkan pengaruh (kecenderungan perasaan dan lain-lain).[3]

Perkataan "keilmuan" pula berasal dari kata "ilmu" yang bermaksud pengetahuan, kepandaian (dalam perkara dunia dan akhirat dan zahir dan batin).[4] Pendapat lain pula mengatakan ilmu itu adalah segala jenis kepakaran atau kepandaian baik yang mengenai kebatinan atau mengenai keadaan alam.[5] Sementara "keilmuan" bermaksud perihal ilmu dan menurut cara ilmu pengetahuan.[6]

Maksud "pembentukan" ialah perihal membentuk lengkungan atau menyusun sesuatu perkara yang boleh diubah suai ikut kehendak seseorang.[7]

---

1) A.Hazir Hj. Sudin, Jalan Utama Mengenal Hadith, Al-Islam, Utusan Melayu (Malaysia), Kuala Lumpur, Ogos 1986, m/s 16.
2) Dr. Teuku Iskandar, Kamus Dewan, Dewan Bahasa Dan Pustaka, Kuala lumpur, 1984 , m/s 567.
3) Ibid.
4) Ibid, m/s 411.
5) __________, Kamus Bahasa Malaysia Edisi Pelajar, Dewan Bahasa Dan Pustaka, Kuala Lumpur, cetakan 1 , 1984 , m/s 20
6) Dr. Teuku Iskandar, op.sit, m/s 411
7) __________, op.sit, m/s 117

Sementara perkataan "akhlak" bermaksud budi pekerti, kelakuan, tabiat dan watak.[1]

Menerusi pengertian-pengertian yang diberikan dapatlah dibuat kesimpulan sebagai "segala pengajaran yang berkaitan dengan teknik mengajar dan belajar, sistem dan lain-lain tentang pelajaran yang berkaitan dengan apa yang ditinggalkan oleh Rasulullah dalam membentuk sikap berilmu dan kelakuan individu sehingga melahirkan individu berilmu dan berakhlak mulia".

Penulis juga akan membentangkan sejauh mana pengajian ini meninggalkan kesan yang mendalam sepanjang pemerhatian dan pengamatan mereka kepada menghasilkan individu yang berilmu dan mempunyai sifat-sifat keilmuan. Pelajaran ini juga dikaitkan dengan membentuk perubahan perangai mereka kearah kesempurnaan.

Penulis juga mengenengahkan pengisian, objektif, metod dan cara pengajaran guru-guru yang terlibat dengan pengajian Hadith sebagai orang yang dipertanggungjawabkan. Di samping itu penyelidikan juga berkisar tentang sejauh mana tindak balas para pelajar di dalam menerima pengisian, metod dan cara pengajaran berkesan yang disampaikan oleh guru-guru berkenaan.

Siapakah sebenarnya yang dipertanggungjawabkan dalam kon-

---

1) Dr. Teuku Iskandar, Kamus Dewan, Dewan Bahasa Dan Pustaka, Kuala lumpur, 1984, m/s 17.

teks melahirkan generasi berilmu dan berakhlak mulia? Kita akan melihat peranan-peranan yang dimainkan oleh mereka yang berkait rapat dengan proses ini sama ada guru, pelajar atau masyarakat, Siapakah di antara golongan ini memainkan peranan besar dan utama yang perlu dititikberatkan. Atau adakah sistem pelajaran atau mata pelajaran yang perlu dikaji semula. Kesemua tanda tanya ini akan terjawab setelah selesai kajian penulis di bab yang akhir sekali.

**1.2. Latarbelakang masalah.**

**1.2.1. Sejarah penubuhan dan perkembangan STASAB.**

STASAB adalah sebuah sekolah agama yang tidak asing lagi di negeri Pahang. Ia telah mengalami beberapa peringkat perubahan sejak penubuhannya pada tahun 1941 lagi hingga kini. Sekolah ini telah ditubuhkan pada 30hb.Mei 1941 dengan gurubesar yang pertama bernama ustaz Hj. Mokhtar Bin Ahmad yang kini telah kembali kerahmatullah. Ia dirasmikan oleh Sultan Pahang ketika itu iaitu Sultan Abu Bakar Ibni Al-Marhum Sultan Ahmad Riayiddin Shah.[1]

Sekolah ini terletak kira-kira 3 kilometer daripada bandar di raja, Pekan, Pahang Darulmakmur. Kedudukannya berhampiran dengan Istan Sultan Pahang dan Padang Polo Diraja. Mengikut sumber sumber yang ada, sekolah ini adalah hadiah daripada Sultan Abu Bakar sedikit masa dahulu dan bangunan yang pertama ketika itu ada

---

1) Ustaz Mohamed Bin Abu, Pengetua, temuramah dengan penulis, bilik pengetua STASAB, 22.9.1989.

lah istana lama baginda.[1]

Di awal pembangunannya sekolah ini dikelilingi oleh semak samun. Terdapat juga binatang-binatang buas. Tetapi kini keadaan telah mula berubah dengan projek yang dibuat oleh kerajaan iaitu mendirikan kampung - kampung seperti Kampung Padang Polo, kampung Tengah dan Kampung Rompin Lama. Pihak Istana Sultan Pahang juga telah membina sebuah lagi Padang Polo Diraja berhampiran dengan sekolah ini. Jelas kedudukan para pelajar lebih terjamin sekarang dari dahulu.[2]

Di peringkat awal, sekolah hanya mempunyai sebuah bangunan sahaja yang memuatkan sebuah kelas, bilik gurubesar, bilik guru-guru dan pejabat sekolah. Jumlah guru dan pelajar tidak dapat dikesan kerana tiada data-data yang sahih tetapi dipercayai pelajarnya seramai 10 orang.[3] Ketika itu masih tidak dibina kemudahan yang lain seperti asrama dan pelajar-pelajar yang datang dari daerah yang jauh terpaksa mendirikan pondok-pondok kecil. Begitu juga dengan kemudahan-kemudahan yang lain seperti padang bola,kantin dan sebagainya.[4] Mungkin ketika itu pelajar dan guru-guru tidak memerlukannya.

---

1) Usstaz Mohamed Bin Abu, temuramah dengan penulis, bilik pengetua STASAB, 22.9.1989.
2) Ustaz Samad Bin Jusoh, Guru penolong kanan, pengalaman penulis semasa kelas STPM 2A, 1985.
3) Ustaz Mohamed Bin Abu, op.cit.
4) Ustaz Samad Bin Jusoh, op.cit.

1.2.2. **Perkembangan fizikal dan akademik STASAB.**

Pada tahun 1953 telah ada beberapa perkembangan sekolah ia itu dengan bermulanya perkhidmatan pengetua sekarang, ustaz Mohamad Bin Abu. Tetapi ketika itu beliau masih lagi menjadi guru biasa. Guru-guru ketika itu telah bertambah seramai 11 orang dan tidak pasti berapa jumlah lelaki dan perempuan tetapi terdapat juga di antara guru-guru tersebut yang masih kekal hingga ke hari ini. Pelajar-pelajar juga bertambah seramai 200 orang yang dimuatkan dalam 11 buah bilik darjah. Sementara kakitangan sekolah seramai 3 orang; 2 orang tukang kebun dan seorang kerani. Perubahan yang ketara hanya berlaku pada tahun 1964 iaitu setelah sekolah ini diambil alih oleh Bahagian Pelajaran, JAIP daripada MAIDARMP.[1]

Tahun 1989 merupakan tahun perubahan yang ketara kepada sekolah ini. Pelajar-pelajar ketika ini berjumlah seramai 579 orang dan 491 orang daripadanya tinggal di asrama ( 181 lelaki dan 310 perempuan) yang datang daripada berbagai daerah dan latarbelakang keluarga. Kemudahan asrama biasanya diberikan kepada pelajar yang tinggal berjauhan dengan sekolah, miskin dan cerdik.[2]

Guru-guru yang berkhidmat di sini seramai 41 orang. Mereka datang dari berbagai pelusuk negeri Pahang dengan latarbelakang pendidikan yang berbeza. Mereka terbahagi kepada dua katogeri iai

---

1) Ustaz Mohamead Bin Abu, temuramah dengan penulis, bilik pengetua STASAB, 22.9.1989.
2)________, carta penyata sekolah 1989, bilik Rehat STASAB, 22.9.1989.

tu guru tetap dan guru sandaran terlatih. Guru sandaran terlatih dianggap sebagai guru sementara kerana tidak mempunyai Diploma Pendidikan. Semua guru sandaran adalah lepasan ijazah dari universiti-universiti tempatan atau luar negeri sahaja. Terdapat juga guru-guru yang bukan berasal dari negeri Pahang yang dihantar oleh KPM.[3]

Melihat kepada pertumbuhan ini sekaligus menunjukkan perkembangan bangunan-bangunan di sekolah ini. Bangunan telah bertambah sebanyak 15 buah semuanya; 4 buah bangunan bilik darjah yang memuatkan semua pelajar, sebuah bangunan bagi pejabat sekolah, perpustakaan, bilik guru lelaki, bilik guru perempuan, bilik penolong kanan dan pejabat pengetua, sebuah kantin, sebuah setor, sebuah bangunan tandas lelaki dan perempuan, sebuah dewan besar sekolah, sebuah asrama lelaki dengan seorang penyelia, dua buah asrama perempuan dengan seorang penyelia, sebuah dewan bacaan untuk pelajar perempuan dan pondok jaga. Perpustakaan yang ada dikatakan agak lengkap dengan buku-buku di dalam Bahasa Malaysia, Bahasa Arab dan Bahasa Inggeris dan sebuah makmal Bahasa Arab yang telah ditubuhkan pada tahun 1985 bagi meningkatkan prestasi Bahasa Arab di kalangan pelajar.[1]

Prestasi pelajaran juga meningkat di mana makin bertambah

---

1) Ustaz Samad Bin Jusoh, temuramah dengan penulis, bilik Guru Penolong kanan STASAB, 22.9.1989.
2) Observasi penulis, STASAB, 10.6.1989.

pelajar yang dapat melanjutkan pelajaran ke unuversiti-universiti tempatan dan luar negeri. Segala kemudahan yang ada digunakan dengan baik. Misalnya pada tahun 1984 seramai 37 orang dapat melanjutkan pelajaran berbanding dengan tahun 1988 seramai 73 orang yang berjaya. Universiti-universiti yang terlibat ialah; universiti di Indonesia, UKM, UM, USM, UIA, Universiti Kuwait, Universiti Al Azhar, Kaherah dan Universiti Morroco. Bagi yang kurang bernasib baik mereka telah menuntut di Maktab Perguruan Islam, Kuala Lumpur dan ada yang berkhidmat terus kepada masyarakat. Terdapat guru-guru yang mengajar di sini merupakan bekas pelajar STASAB.[1]

### 1.2.3. Sistem persekolahan.

Sistem persekolahan di sekolah ini terbahagi kepada 3 bahagian;

a) Aliran STA.

b) Aliran STPM.

c) Tingkatan 4.[2]

Aliran STA dibahagikan kepada 3 tahun; tahun pertama, kedua dan tahun ketiga. Pada tahun ketiga para pelajar yang terlibat akan memduduki peperiksaan STA. Sijil ini biasa digunakan untuk melanjutkan pelajaran ke luar negeri. Pada tahun 1987 satu penyelidikan telah dibuat oleh Bahagian Pelajaran JAIP dalam menentukan sesuai atau tidak sistem tahun pengajian yang ada bagi aliran

---

1)________, Carta penyata sekolah, bilik Rehat, STASAB, 1989

2)________, Carta penyata sekolah, bilik pengetua, STASAB, 1989.

ini. Hasil daripada kajian tersebut mereka telah sepakat mengambil keputusan untuk mengurangkan tahun pengajian selama 2 tahun. Salah satu puncanya ialah lambatnya proses melahirkan graduan lepasan agama untuk mengisi jawatan-jawatan kosong bahagian agama di Pahang. Dengan rasminya pada tahun 1988 sistem ini dijalankan sepenuhnya. Bagi pelajar yang telah berjaya di dalam STA dan mendapat tawaran melanjutkan pelajaran ke Universiti Al-Azhar akan dikenakan kursus intensif selama 6 bulan.[1]

Para pelajar yang ingin memasuki aliran ini mestilah mempunyai keputusan SMA dan lulus. Tetapi mereka tidak diwajibkan lulus di dalam SPM. Dalam pada itu jika terdapat pelajar yang mempunyai sijil SPM yang ingin memasuki aliran ini, mereka tetap diterima.[2]

Manakala bagi aliran STPM pula tiada bezanya dengan sekolah-sekolah yang lain kerana ia di bawah kawalan KPM. Mereka akan menempuh pengajian selama 2 tahun iaitu tingkatan 6 rendah dan tingkatan 6 atas. Di akhir tahun pengajian (tingkatan 6 atas) mereka dikehendaki menduduki peperiksaan STPM. Sebelum itu syarat untuk mengambil peperiksaan ini, pelajar tersebut mestilah mempunyai sijil SPM dan mendapat sekurang-kurangnya pangkat 3.[3]

---

1) Ustaz Mohamed Bin Abu, temuramah dengan penulis ,bilik pengetua, 22.9.1989.
2) Ustaz Mohamed Bin Abu, ucapan dasar kepada pelajar-pelajar baharu 1985.
3) Ustaz Mohamed Bin Abu, op.cit.

Tingkatan 4 mula diperkenalkan di sekolah ini pada tahun 1989 ini. Menurut pengetua sekolah (Mohamed Bin Abu) ia bersifat sementara dan mungkin ia generasi pertama dan terakhir kerana sekolah ini hanya dikhususkan kepada pelajar lepasan SPM dan STA. Keadaan ini berlaku disebabkan penempatan yang tidak mencukupi di sekolah-sekolah menengah di negeri Pahang. Setelah sistem pengurusan dan pentadbiran disusun semula mereka akan dipindahkan kembali.[1]

1.2.4. Sistem peperiksaan STASAB.

Sistem peperiksaan di sekolah ini terbahagi kepada 2 bahagian utama iaitu;

a) Peperiksaan tahunan.

b) Peperiksaan utama.[2]

Peperiksaan tahunan ialah peperiksaan yang dilaksanakan pada setiap tahun dan melibatkan semua pelajar. Soalan-soalan peperiksaan telah disediakan oleh pihak guru-guru yang terlibat dengan matapelajaran tertentu. Kemudian disemak oleh Lembaga Peperiksaan yang diketuai oleh pengetua sekolah sendiri. Peperiksaan ini terbahagi kepada 2 peringkat iaitu;

a) Peperiksaan setengah tahun.

b) Peperiksaan akhir tahun.

---

1) Ustaz Mohamed Bin Abu, ucapan dasar bagi pelajar-pelajar baharu , STASAB, 1984.
2) Ibid.

Peperiksaan setengah tahun diwajibkan kepada semua pelajar. Sementara pepeariksaan akhir tahun dikecualikan kepada pelajar yang memduduki peperiksaan utama. Kedua-dua peperiksaan ini saling kait mengait dalam menentukan kenaikan kelas pada setiap tahun. Jika pelajar tersebut gagal di dalam peperiksaan akhir tahun tetapi lulus dengan cemerlang dalam peperiksaan setengah tahun, ia akan dipertimbangkan untuk naik tahun dan sebaliknya. Jika pelajar gagal di dalam peperiksaan mereka tidak dibenarkan naik tahun di tahun hadapan dan dibenarkan mengulang tahun sebanyak sekali sahaja. Masalah mengulang tahun ini tidak termasuk pelajar bagi aliran STPM. Walaupun mereka gagal tetap juga dibolehkan menyambung pelajaran ketahun berikutnya kerana mengikut prosedur KPM.[1]

Sementara peperiksan utama pula terbahagi kepada 3 jenis iaitu;

a) Peperiksaan STA.

b) Peperiksaan SPM.

c) Peperiksaan STPM.

Peperiksaan STA disyaratkan kepada tahun akhir pengajian STA. Bahagian Pelajaran, JAIP akan menyusun segala yang berkaitan dengan peperiksaan ini seperti soalan peperiksaan, jadual peperiksaan, semak jawapan dan sebagainya yang diuruskan dibawah Lembaga Peperiksaan, Bahagian Pelajaran, JAIP. Bagi calon-calon yang lu

---

1) Ustaz Mohamed Bin Abu, ucapan dasar kepada pelajar-pelajar baharu, STASAB, 1984.

lus dengan cemerlang boleh melanjutkan pelajaran ke luar negeri
seperti Universiti Al-Azhar, Universiti Madinah, Universiti Kuwa
it dan sebagainya. Bagi yang gagal pula boleh mengambil peperiksa
an berapa kerap yang mereka mahu tetapi hanya menjadi calon per
sendirian.[1]

Peperiksaan SPM dan STPM adalah dibawah pengurusan KPM. Pe
periksaan SPM biasanya diambil oleh para pelajar tahun pertama a
liran STA sama ada masih tidak mempunyai sijil SPM atau ingin mem
perbaiki sijil tersebut. Bagi yang tidak mempunyai sijil SPM mere
ka diwajibkan mengambil peperiksaan ini untuk melayakkan diri me
mohon ke universiti-universiti luar negeri. Sijil tersebut pen-
ting sekalipun untuk memohon guru sandaran sama ada dengan KPM a
tau JAIP. Pelajar-pelajar yang menduduki peperiksaan ini dikira
sebagai calon persendirian tetapi di bawah pengawalan pihak seko
lah sendiri.[1]

Sementara peperiksaan STPM diwajibkan kepada semua pelajar
tingkatan 6 atas iaitu selepas menjalani 2 tahun pengajian. Bagi
pelajar yang cemerlang mereka boleh memohon untuk memasuki univer

---

1) Ustaz Mohamed Bin Abu, temuramah dengan penulis, bilik pengetu
a, STASAB, 22.9.1989.
2) Ibid.

siti-universiti tempatan atau luar negeri. Bagi yang gagal mereka boleh mengamabil sekali lagi atau berapa kerap yang mereka ingin mengikut prestasi yang dicapai tetapi menjadi calon persendirian.[1]

Di akhir tahun pihak sekolah akan mengadakan Hari Ucapan Dan Penyampaian Hadiah bertempat di Dewan Besar, STASAB. Di hari inilah merupakan hari yang dinanti-nanti oleh para pelajar di mana hadiah-hadiah akan diberikan kepada pelajar-pelajar yang berjaya mendapat tempat ketiga, kedua dan pertama di dalam peperiksaan tahunan dan pelajar terbaik bagi peperiksaan STA dan STPM.[2]

1.2.5. **Jumlah pelajar dan matapelajaran di sekolah.**

Jumlah pelajar telah bertambah dari setahun ke setahun. Ia dipengaruhi oleh pertumbuhan penduduk, kesedaran ibubapa dan kehendak semasa.

Sehingga tahun 1988 pelajar sekolah ini telah meningkat kepada 700 orang. Negeri Pahang ketika itu hanya mempunyai sebuah sekolah tinggi yang menjadi tumpuan semua sekolah menengah agama seluruh pahang. Selepas tahun ini kerajaan negeri Pahang telah berusaha menubuhkan lagi sebuah sekolah tinggi dan berjaya beroperasi pada tahun 1989 yang terletak di Temerloh, Pahang (sekolah

---

1) Ustaz Mohamed Bin Abu, temuramah dengan penulis, bilik pengetua, STASAB, 22.9.1989,
2) __________, Majalah tahunan sekolah, STASAB, 1985, m/s 12.

PERPUSTAKAAN UNIVERSITI MALAYA

Tinggi Al-Khairiah).[1]

Pada tahun 1989, jumlah pelajar hanya 610 di awal tahun. Tetapi jumlah tersebut menurun kepasa 579 orang selepas bulan Julai disebabkan mereka mendapat tawaran melanjutkan pelajaran terus ke universiti-universiti tempatan. Jumlah pelajar lelaki seramai 217 orang dan pelajar perempuan 362 orang.[2]

Sekolah ini mempunyai 17 buah kelas seperti berikut;

a) 4 buah kelas tahun pertama STA.

b) 5 buah kelas tahun kedua STA.

c) 2 buah kelas tingkatan 6 rendah.

d) 2 buah kelas tingkatan 6 atas.

e) 4 buah kelas tingkatan 4.[3]

Semua kelas diletakkan dibawah pengawasan seorang guru kelas di kalangan guru-guru di sekolah ini. 17 orang daripada 41 orang guru telah dipilih menjadi guru kelas yang berperanan menjaga kebajikan para pelajar di kelas mereka.[4]

Matapelajaran yang disediakan di sekolah ini melebihi 10 jenis bagi aliran STA. Sementaa aliran STPM pula hanya 5 jenis matapelajaran sama ada aliran Usuluddin atau Syariah. Terdapat ma

---

1) ________, <u>Carta penyata sekolah</u>, bilik rehat, STASAB, 1989
2) Ibid.
3) ________, <u>Carta penyata sekolah</u>, bilik pengetua, STASAB, 1989.
4) Ibid.

tapelajaran yang sama untuk setiap tahun tetapi pengisian yang berbeza. Pelajaran Hadith adalah salah satu di antara matapelajaran wajib kecuali bagi aliran Usuluddin, STPM. Kegagalan di dalam setiap matapelajaran akan mencacatkan keputusan peperiksaan.[1]

### 1.2.6. Kegiatan pelajar.

Sekolah ini di dalam rangka melahirkan pelajar-pelajar cekap dan berkebolehan telah menubuhkan ahli jawatankuasa Jemaah Pelajar dan beberapa pertubuhan ko-korukulum. Ia bertujuan bagi melicinkan perihal pelajar misalnya masalah disiplin, akhlak dan sebagainya.[2]

Jemaah Pelajar ini adalah di bawah naungan pengetua sekolah. Pengetua sekolah kemudian melantik seorang guru penasihat, ketua umum, penolong ketua umum, setiausaha, penolong setiausaha, bendahari dan ahli jawatankuasa. Semuanya terdiri daripada pengawas sekolah tersebut. Jemaah Pelajar ini telah dibahagikan kepada biro-biro tertentu iaitu; Biro Penerangan Dan Penyambut, Biro Perbarisan Dan Kedatangan, Biro Kebajikan Dan Kesihatan, Biro Kebajikan Am dan Biro Keamanan Dan Tatatertib. Kesemua biro ini mempunyai guru penasihat yang berasingan.[3]

Selain dari itu pihak Lembaga Sekolah telah menubuhkan ba

---

1) ______, <u>Buku panduan sukatan pelajaran</u>, STASAB, 1989.
2) ______, <u>Majalah tahunan sekolah</u>, STASAB, bilangan 8, 1985, m/s 20 hingga 49.
3) Ibid, m/s 27 hingga 28.

dan-badan pertubuhan dari sudut ilmiah dan sukan yang disebut ko-korukulum. Badan-badan tersebut ialah; Badan Bahasa Dan Ilmiah, Badan Dakwah Islamiah, Badan Perpustakaan, Badan Bimbingan Dan Kerjaya, Badan Pertukangan, Badan Kebajikan Dan Rombongan dan Ba dan Sukan. Badan Sukan dibahagikan pula kepada rumah-rumah terten tu dan terdapat sukan tahunan. Pengetua adalah penaung kepada se mua badan ini, kemudian melantik seorang guru penasihat, pengeru si, naib pengerusi, setiausaha, bendahari dan ahli jawatankuasa yang tidak ditentukan bilangannya secara berasingan pada setiap badan.[1]

Setiap badan telah menjalankan aktiviti tahunan di bawah naungan guru penasihat. Terdapat juga beberapa acara yang diper-tandingkan seperti syarahan, kuiz, sukan dan sebagainya sebagai acara tahunan. Setiap pemenang akan didaftarkan dan akan diberi hadiah semasa majlis Hari Ucapan Dan Penyampaian Hadiah pada akh ir tahun nanti.

### 1.3. Metodologi penyelidikan.

Penulisan kertas projek ini mempunyai beberapa metodologi yang digunakan di dalam mengumpul data dan analisa data. Metod-metod tersebut ialah;

a) Metod penentuan subjek.

b) Metod keperpustakaan.

---

1) ______, Majalah tahunan sekolah, STASAB, bilangan 8, 1985, m/s 29 hingga 49.

c) Metod pensejarahan.

d) Metod pemerhatian (observasi).

e) Metod kaji selidik (menggunakan Borang).

f) Metod wawancara.

g) Metod analisa data induktif.

h) Metod analisa data deduktif.

i) Metod analisa data komparatif (perbandingan).

Metod-metod ini digunakan pada bab-bab tertentu mengikut keperluan bab-bab tersebut. Metodologi ini bertujuan mengemaskinikan kertas projek.[1]

1.4. **Susunan penulisan.**

Penulis telah menggunakan beberapa pendekatan kepada penyusunan kertas projek ini. Penulis memulakan tulisan dengan pendahuluan dan diakhiri dengan penutup.

Penulis ada menggunakan corak penulisan dengan menyusun ayat-ayat yang ringkas dan mudah difahami. Perbandingan-perbandingan juga digunakan pada bahagian tertentu bagi menyampaikan maksud sebenarnya.

Istilah juga digunakan untuk tujuan yang sama dengan perbandingan di atas. Setiap istilah akan diberi penerangan di dalam

---

1) Abd. Halim Bin Mat Diah, kuliah pengajian Metodologi Penyelidikan, sessi 1987/88.

lampiran di akhir penyusunan kertas projek.

Petikan-petikan yang diambil sebagai rujukan ada yang ber bentuk petikan langsung dan petikan tidak langsung. Petikan langsung ialah petikan rujukan penulis dari buku tertentu yang diambil secara keseluruhan tanpa diubah struktur ayatnya. Sementara petikan tidak langsung, penulis hanya mengambil kefahamannya sahaja dengan mengubah struktur ayat untuk memudahkan penyusunan.

Di akhir sekali kertas projek ini akan disertakan dengan beberapa lampiran yang berhubungan dengan isi penulisan dan di anggap sebagai bukti yang sahih.

## BAB KEDUA

## LANDASAAN TEORI

### 2.1. Pengertian hadith.

### 2.1.1. Hadith dan Sunnah.

ᶜUlama'-ᶜulama' hadith terutamanya yang kebelakangan ini mengatakan bahawa hadith dan sunnah ada perbezaan dan persamaannya di antara keduanya. Keduanya mengandungi perkataan, perbuatan dan ikrar yang disandarkan kepada Rasulullah s.a.w. Tetapi setelah dihuraikan baharulah menampakkan perbezaannya.[1]

### 2.2. Pengertian hadith dari sudut bahasa

Hadith adalah suatu perkataan yang paling penting yang diambil daripada perkataan arab iaitu "hadatha" yang bermakna "bercakap" dan perkataan jama'nya ialah "ahādith".[2] Jika hadith diimbuhkan dengan alif dan lam akan menjadi satu istilah yang berhubung dengan Nabi Muhamad dari percakapannya, perbuatan dan pengakuannya.[3] Pendapat lain pula mengatakan hadith bermaksud "perkhabaran".[4]

---

1) Dr.Subhi Sālleh, ᶜUlumul-Hadith-wa-mustolahuhu, Darul-'ulum, Berut, cetakan 1, 1959, m/s 3.
2) Muhamad ᶜUjaj Al-Khatib, Usulul-Hadith-ᶜulumuhu-wa-mustolahuhu, Darul Fikri, Beirut, Cetakan 4, 1981, m/s 27.
3) Dr.Engku Ibrahim Ismail, Prof.Madya dan Abdul Ghani Shamsuddin, ustaz, Kedudukan Hadith Dalam Islam, Persatuan ᶜUlama' Malaysia, Kuala Lumpur, cetakan 1, 1987, m/s 13.
4) Dr.Muhamad ᶜUjaj Khatib, op.cit, m/s 4.

Ini jelas menerusi Firman Allah yang berbunyi;

فَلْيَأْتُوا بِحَدِيثٍ مِّثْلِهِۦٓ

Maksudnya, "Hendaklah mereka mendatangkan kalimat seumpama Al-Quran.(a)

Firman Allah lagi;

ٱللَّهُ نَزَّلَ أَحْسَنَ ٱلْحَدِيثِ كِتَٰبًا مُّتَشَٰبِهًا

Maksudnya," Allah telah menurunkan perkataan yang paling baik(Al-Quran) yang serupa(mutu ayat-ayatnya) ..........(b)

Dizaman jahiliyah lafaz "ahadith" itu adalah jama[c] [1] daripada "uhduthah" yang bererti berita yang dipercakapkan.

Hadith dari satu sudut diertikan dengan jalan atau alamat yang dinisbahkan kepada perkara yang kekal [2] dan memaksudkan perkara yang kekal itu ialah kitab Al-Quran. Dari sudut yang lain pula membawa erti "yang [3] baharu" iaitu perkara yang dinisbahkan kepada Rasulullah s.a.w. Ia mengandungi makna "yang belum lama" [4] sebagai imbangan qadim iaitu yang usang, lama dan tidak terawal.

---

a) <u>Al-Quran</u>, Surah at-Thuur, ayat 34.
b) <u>Al-Quran</u>, Surah Az-Zumar, ayat 23.

1) Subhi Salleh, [c]<u>Ulum-al-hadith-wal-mastalahuhu</u>, Darul[c]ilmi, Beirut, cetakan 1, 1959, m/s 5.
2) Syafrein Effendu Usman, Perbezaan antara Hadith dan Sunnah, <u>Al-Islam</u>, Utusan Melayu (Malaysia), Kuala Lumpur, Februari 1989, m/s 49

3) Mohamad [c]Ujaj Khatib, <u>Usulul-hadith,</u> [c] <u>Ulumuhu-wal-mastalahuhu</u>, Darul fikri, Beirut, M/S 27.
4) <u>Al-Islam</u>, Febuari 1989, op.cit.

## 2.3. Pengertian Hadith dari sudut istilah.

Mengikut Doktor Mohamad $^{c}$Ujaj Khatib, hadith bermaksud "apa yang dibawa oleh Rasulullah s.a.w. sebelum dan selepas kebangkitannya menjadi rasul. Tetapi perkataan ini biasanya dimaksudkan kepada apa yang diceritakan tentang nabi selepas kebangkitannya menjadi rasul yang mencangkupi perkataan, perbuatan dan pengakuannya.[1]

Menurut ahli Hadith, Hadith menurut istilah adalah "segala sesuatu yang bersumberkan daripada Nabi Muhamad dalam bentuk ucapan, perbuatan dan taqrir (perbuatan sahabat yang diketahui oleh Rasulullah dan dibiarkan atau dibenarkan), perangai, sopan, santun atau "sepak terajang" perjuangannya.[2]

Sementara ahli usul pula berpendapat hadith bermaksud, "segala sesuatu yang bersumber dari nabi Muhamad s.a.w. baik dalam bentuk qauli (ucapan), fi$^{c}$li (perbuatan) dan taqrirnya.[3] Contoh ucapan seperti hadith nabi yang berbunyi;

إِنَّمَا الأَعْمَالُ بِالنِّيَّاتِ (a)

maksudnya, "Sesungguhnya setiap perbuatan mestilah dengan niat".

---

1) Dr.Muhamad $^{c}$Ujaj Khatib, Usulul-Hadith, $^{c}$ulumuhu-wa-Mustolahuhu, Darul fikri, Beirut, cetakan 4, 1981, m/s 27.

2) Mohd Jamaluddin Al-Qassimi, Qawa$^{c}$idut-tahdith, min-funun-mastalahul-hadith, Darul Ahya', Mesir, m/s 35-38.

3) Mustafa Siba$^{c}$i, Sunnah-wa-makanatuhu-fi-tasyri'-islami, Maktabah Islami, cetakan 3, m/a 4

a) Abi zakaria Yahya B. An- Nawawi, Riadhus-solihin, riwayat Bukhari dan Muslim, cetakan 1, 1938, m/s 6.

Contoh dengan perbuatan pula ialah cara sembahyang, adab-adab puasa dan sebagainya. Contoh taqrir pula, Nabi tidak menegah sesuatu atau berdiam diri.

Manakala ahli Fekah pula mengkhususkan Hadith sebagai "suatu ketetapan daripada Nabi dan bukan hanya hukum wajib. Menurut mereka hadith mengandungi hukum yang lima (wajib, sunat, haram, makruh dan harus) dan tidak termasuk di dalamnya hukum bid$^{c}$ah.[1]

Ibnu Hajar di dalam "syarah bukhari" mengatakan Hadith dari sudut istilah ialah segala yang disampaikan daripada Rasulullah sebagai imbangan Al-Quran yang qadim.[2]

Menurut Al-$^{c}$Alamah sulaiman An-Nadus, hadith ialah segala peristiwa yang dinisbahkan kepada Nabi (s.a.w) walaupun hanya sekali sahaja Nabi kerjakan dan walaupun diriwayatkan oleh seorang perawi sahaja.[3]

Perbezaan-perbezaan yang ketara antara $^{c}$ulama' Islam bukanlah bermakna $^{c}$ulama' berselisih pendapat dalam menentukan makna hadith. Perbezaan tersebut berlaku kerana berbezanya perbahasan masing-masing mengikut bidang yang tersendiri. $^{c}$Ulama' telah ber

---

1) Dr.Mustafa Sibā$^{c}$i, Sunnah-wa-makānatuhu-fi-tasyri$^{c}$ -Islāmi, Maktabah Islami, cetakan 3, m/s 48.
2) Syafrein Effendi, Perbezaan antara Hadith dan Sunnah, Al-Islam, Kuala Lumpur, Februari 1989, m/s 49.
3) Ibid, m/s 50.

sepakat dalam menentukan sumber iaitu apa yang dikhabarkan melalu i sahabat-sahabat tentang perihallaku Rasulullah s.a.w. melalui sanad-sanad dan matan-matan yang sahih.

Hadith ialah setiap perkara yang dapat difahami daripada Nabi Muhammad kemudian diceritakan oleh orang lain menerangkan a pa yang dicakapkan, apa yang diperbuat dan pengakuan oleh Nabi.[1]

**2.4. Jejak akhlak Rasulullah menerusi Al-Quran dan Sunnah.**

Sabda Rasulullah;

بُعِثْتُ لِأُتَمِّمَ حُسْنَ الْأَخْلَاقِ.

artinya, "Sesungguhnya aku diutuskan adalah untuk menyempurnakan budi-pekerti yang luhur.(a)

Firman Allah s.w.t. yang berbunyi;

وَإِنَّكَ لَعَلَىٰ خُلُقٍ عَظِيمٍ

artinya, "Sesungguhnya engkau (wahai Muhamad) mempunyai akhlak yang mulia.(b)

**2.4.1. Pengertian akhlak secara umum.**

Setengah ahli ilmu mengaitkan akhlak dengan "kebiasaan ke hendak". Bila mana kehendak itu dibiasakan ia disebut akhlak. Akh lak ialah keinginan daripada beberap keinginan manusia dengan

---

a) Malik Bin Anas (Imam Malik), Al-Muato', Kutub As-sittah, juzuk 1&2, m/s 904.
b) Al-Quran, Surah An-Nur, ayat 4.
1) A.Hazir Hj. Sudin, Jalan utama mengenal Hadith, Al-Islam, Utusan Melayu (Malaysia), Kuala Lumpur, Ogos 1986, m/s 16.

2) Dr. Ahmad Amin (prof), Etika (Ilmu akhlak), K.H. Farid Ma<sup>c</sup>ruf, Bulan Bintang, Jakarta, 1975, m/s 74.
3) Ibid.

langsung dan berturut-turut.[1]

Akhlak lebih mirip kepada kejiwaan dan bersifat dalaman. Sementara perlakuan yang zahir sebagai bukti dalaman atau sebagai bukti adanya keinginan-keinginan bertindak sesuatu.[2]

**2.4.2. Pengertian akhlak dari sudut bahasa.**

Akhlak adalah perkataan yang berasal daripada bahasa 'arab iaitu "al-khulq" yang bermaksud perangai semula jadi atau adat kebiasaan.[3]

Imam Ghazali pula mengemukakan maksud akhlak ialah 'bawaan jiwa yang mengendap di dalam dan mendorong atau melahirkan perbuatan tanpa disedari dan disengajakan.[4]

Berdasarkan ini, akhlak dikira sebagai 'kumpulan sifat yang mengendap di dalam jiwa dan berdasarkan pertimbangan sifat itu sesuatu perbuatan dianggap baik atau buruk menurut pandangan manusia dan dengan sifat itu juga dapat melaksanakan atau meninggalkan sesuatu.

---

1) Ahmad Amin (Prof), Etika(Ilmu Akhlak), K.H. Farid Ma$^{c}$ruf, Bulan Bintang, Jakarta, 1975, m/s 74.
2) Ibid, m/s 75.
3) Al-Marbawi, Mohd Idris Abdul Raof, Kamus Idris Al-Marbawi, juzuk 1, Pustaka Nasional, Singapura, m/s 186.
4) Al-Ghazali, Mohamed bin Ahmad, Ihya Ulumuddin, TK.H. Ismail Yacub, Victory Ajensi, Kuala Lumpur, 1988, m/s 142 hingga 145.
5) Abd. Karim Zaidan, Dasar-dasar Ilmu dakwah, H.M. Asywadi Syukur, Pustaka Al-Ameen, Kuala Lumpur, 1984, m/s 99.

### 2.4.3. Pengertian akhlak dari sudut istilah.

Sabda Rasulullah berbunyi;

«بُعِثْتُ لِأُتَمِّمَ حُسْنَ الأَخْلَاقِ»

artinya, "Sesungguhnya aku dibangkitkan adalah untuk menyempurnakan akhlak manusia.(a)

Sabda Rasulullah di dalam menerangkan pengaruh akhlak didalam memberatkan timbangan di akhirat berbunyi;

مَا مِنْ شَيْءٍ أَثْقَلُ فِي مِيزَانِ الْعَبْدِ الْمُؤْمِنِ يَوْمَ الْقِيَامَةِ مِنْ حُسْنِ الْخُلُقِ

artinya, "Untuk memberatkan apa yang diletakkan di timbangan pada hari kiamat adalah taqwa kepada Allah dan akhlak yang mulia.(b')

Sabda Rasulullah lagi yang berbunyi;

إِنَّ مِنْ أَحَبِّكُمْ إِلَيَّ وَأَقْرَبِكُمْ مِنِّي مَجْلِسًا يَوْمَ الْقِيَامَةِ أَحَاسِنَكُمْ أَخْلَاقًا

maksudnya, " Kamu yang paling kasih kepada tuhan dan paling dekat kepadaku pada hari kiamat adalah orang yang baik akhlaknya"(c)

Daripada hadith-hadith di atas dapatlah dibuat kesimpulan bahawa akhlak yang sebenar menurut Islam ialah "keinginan melaksanakan apa yang dibawa oleh Rasulullah menerusi risalah agamanya secara berterusan sehingga menjadi kebiasaan. Semakin tinggi amalan semakin mulia seseorang yang mempengaruhi ketinggian kasih sayangnya kepada Rasulullah yang dapat membantu memberatkan timbangannya di akhirat.[1]

---

a) Malik Bin anas (Imam Malik), Al-Muato', Kutub As-sittah, juzuk 1&2, m/s 904.
b) Abi Zakaria Yahya B. An-Nawawi, Riadhus-Solihin, riwayat At-Tarmazi, cetakan 1, 1938, m/s 304.
c) Ibid, m/s 305.
1) Abd. Karim Zaidan, Dasar Dasar Ilmu dakwah, H.M. Asywadi Syukur, Pustaka Al-ameen, Kuala Lumpur, 1984, m/s 100 hingga 103

Kaum salaf tidak ketinggalan juga di dalam memberikan keterangan tentang akhlak yang baik.[1]

Al-Hasan memberikan pandangan bahawa akhlak yang baik itu ialah wajah yang cerah, pemurah, menahan diri daripada menyakiti.

Abdullah Ibnul-Mubarak berkata,"akhlak yang baik itu ada tiga perkara; menjauhi yang haram, mencari yang halal dan pemurah kepada orang kafir.

Pendapat-pendapat yang lain pula mengatakan akhlak yang baik ialah hampir kepada manusia dan di antara mereka tersendiri, menahan diri daripada menyakiti dan memaafkan orang mu min dan ti ada engkau cita-citakan melainkan Allah Taala.

Mengenai tanda-tanda seorang itu mempunyai akhlak yang baik apabila dikatakan seorang itu banyak malunya, sedikit menya kiti orang lain, banyak berbuat baik, benar ucapannya, sedikit berkata, banyak berbuat, sedikit kesalahan, banyak memberi, berso pan santun, sabar, syukur, redha, lemah lembut, menunaikan janji, tidak menghasut dan mengata, tidak gopoh dan dengki, manis wajah, menyukai dan membenci kerana Allah dan meredhai kerana Allah.[1]

Allah adalah sumber segala akhlak yang membentuk perlakuan

---

1) Abu Bakar Jabir Al-Jazairi, <u>akhlak Muslim</u>, H.O.K. Rahmat S.H (Dr), Pustaka Aman Press sdn bhd, Kuala Lumpur, 1987, m/s 6.

an manusia. Manusia harus memelihara kebenaran dan keburukan yang digariskan oleh Allah. Kebenaran itu ialah mencari keredhaan Allah dan melaksanakan perintahNya.[1] Sementara kejahatan itu adalah apa yang dilarang oleh Allah. Allah sebagai pencipta manusia telah menyediakan susunan peradaban yang harus diikuti oleh hamba-Nya untuk mendapat kebahagiaan di dunia dan akhirat.[2]

Firman Allah yang berbunyi;

مَنْ عَمِلَ صَٰلِحًا مِّن ذَكَرٍ أَوْ أُنثَىٰ وَهُوَ مُؤْمِنٌ فَلَنُحْيِيَنَّهُۥ حَيَوٰةً طَيِّبَةً وَلَنَجْزِيَنَّهُمْ
أَجْرَهُم بِأَحْسَنِ مَا كَانُوا۟ يَعْمَلُونَ

Maksudnya;"Barangsiapa yang berbuat kebajikan, baik lelaki atau perempuan sedang ia berilmu, maka tentu kami hidupkan ia dengan penghidupan yang baik, dan kami balas dengan pahala yang lebih daripada apa yang mereka lakukan.(a)

Firman Allah lagi;

إِنَّ ٱللَّهَ لَا يُحِبُّ ٱلْمُفْسِدِينَ

Maksudnya;"Sesungguhnya Allah tidak suka kepada orang yang membuat kerosakan.(b)

---

a) Al-Quran, Surah An-Nahl, ayat 97.
b) Al-Quran, Surah Al-Qishash, ayat 77.
1) Ahmad Amin (Prof, dr), Etika (Ilmu Akhlak), K.H. Farid Maaruf, Bulan Bintang, Jakarta, 1975, m/s 157.
2) Ibid, m/s 159.

an manusia. Manusia harus memelihara kebenaran dan keburukan yang digariskan oleh Allah. Kebenaran itu ialah mencari keredhaan Allah dan melaksanakan perintahNya. Sementara kejahatan itu adalah apa yang dilarang oleh Allah.[1] Allah sebagai pencipta manusia telah menyediakan susunan peradaban yang harus diikuti oleh hamba-Nya untuk mendapat kebahagiaan di dunia dan akhirat.[2]

Firman Allah yang berbunyi;

مَنْ عَمِلَ صَٰلِحًا مِّن ذَكَرٍ أَوْ أُنثَىٰ وَهُوَ مُؤْمِنٌ فَلَنُحْيِيَنَّهُۥ حَيَوٰةً طَيِّبَةً وَلَنَجْزِيَنَّهُمْ أَجْرَهُم بِأَحْسَنِ مَا كَانُوا۟ يَعْمَلُونَ

Maksudnya;"Barangsiapa yang berbuat kebajikan, baik lelaki atau perempuan sedang ia berilmu, maka tentu kami hidupkan ia dengan penghidupan yang baik, dan kami balas dengan pahala yang lebih daripada apa yang mereka lakukan.(a)

Firman Allah lagi;

إِنَّ ٱللَّهَ لَا يُحِبُّ ٱلْمُفْسِدِينَ

Maksudnya;"Sesungguhnya Allah tidak suka kepada orang yang membuat kerosakan.(b)

---

a) Al-Quran, Surah An-Nahl, ayat 97.
b) Al-Quran, Surah Al-Qishash, ayat 77.
1) Ahmad Amin (Prof, dr), Etika (Ilmu Akhlak), K.H. Farid Maaruf, Bulan Bintang, Jakarta, 1975, m/s 157.
2) Ibid, m/s 159.

Sejak awal kejadian manusia telah ada daya merasa baik dan buruk. Selain dari dianugerahkan daya merasa dan pancaindera manusia juga dikurniakan dengan panduan akhlak.[1] Prinsip-prinsip akhlak Islam terhimpun di dalam empat sumber iaitu Al-Quran, hadith Rasulullah, ijma$^{c}$ dan Qiyas. Al-Quran sentiasa menganjurkan supaya patuh dan setia kepada perintah Rasulullah, segala suruhan dan larangannya bukanlah suatu yang berasingan dengan wahyu.[2] Akhlak Islam yang bersumberkan wahyu Ilahi adalah sesuai dengan fitrah manusia yang mempunyai ciri-ciri menyeluruh, keseimbangan, sederhana, realistik, mudah dan mengaitkan antara teori dan praktik.[3]

Akhlak di dalam Islam bukanlah suatu yang terpisah dengan kenyataan hidup masyarakat seluruhnya dan nilai-nilai murni tidak harus ditandai dengan peraturan dan disiplin yang danggal dengan slogan hidup beragama tanpa kesungguhan dan saranan semata-mata berhubungan dengan dalaman yang amat terbatas.[4] Insan salih mempunya kesempurnaan dalam bertakwa kepada Allah dengan keseimbangan dalam;[5]

---

1) Muhammad Abdullah Durraz, Prinsip akhlak berdasarkan Al-Quran, Mohd Sulaiman B. Hj. Yassin, Abdul Fatah Ibrahim, W.Amrah Bte. W. Yaacob dan Abdullah B. Md. Zin, Dewan Bahasa Dan Pustaka, Kuala Lumpur, cetakan 1, 1987, m/s 8.
2) Ibid, m/s 18.
3) Mohd Kamal Hassan (Prof,dr), Pendidikan dan pembangunan, satu perspektif bersepadu, Nurin Enterprise sdn bhd, Kuala Lumpur, cetakan 1, 1988, m/s 62.
4) Ahmad Lutfi (Prof,dr), Membentuk generasi muslim, Al-Islam, Utusan Melayu (Malaysia), Kuala Lumpur, Disember 1986, m/s 27.
5) Abdul Raof Dalip, Pembentukan insan saleh, Al-Islam, Utusan Melayu (Malaysia), Kuala Lumpur, Jun 1988, m/s 30.

a) Kepada keperibadiannya. Terdapat kesepaduan antara jasad, jiwa ,roh dan akal.

b) Memakmurkan dunia dan mengeluarkan hasilnya untuk kebahagiaan dunia dan akhirat.

Ajaran hadith banyak menekankan masalah akhlak dalam perhubungan manusia dengan Allah dan hubungan manusia sesama mereka.[1] Di samping itu penekanan juga diberikan kepada pengisian rohani.[2] Hadith telah memberi pendidikan bukan sahaja kepada perkara-perkara yang besar seperti soal negara tetapi juga perkara-perkara kecil seperti adab makan, minum dan masuk ke tandas yang mengandungi nilai-nilai akhlak yang besar peranannya walaupun nampak remeh.[3]

Rasulullah dianggap sebagai contoh teladan yang sempurna bagi mengamalkan Islam, kehidupannya menjadi punca pokok anutan dan panduan hidup yang sebenar.[4] Diri Rasulullah terhimpun nilai nilai insaniah dan segala nilai rohani yang wajib bagi manusia.[5] Corak kehidupan yang dibawa oleh Rasulullah tidak berlandarkan ha

---

1) Engku Ibrahim Ismail (Prof.Madya, dr) dan Ustaz Abdul Ghani Shamsuddin, Kedudukan hadith dalam Islam, Persatuan Ulama Malaysia, Kuala Lumpur, cetakan 1, 1987, m/s 21.
2) M.Thalib, Butir-butir pendidikan dalam hadith, Al-Ikhlas, Surabaya, m/s 14.
3) Engku Ibrahim Ismail (Prof.Madya, dr) dan ustaz Abdul Ghani Shamsuddin, op.cit.
4) Syed Muhammad Al-Naquib Al- Attas, Islam, faham agama dan asas akhlak, Angkatan Belia Islam Malaysia (ABIM), Kuala Lumpur, cetakan 1, 1977, m/s 88.
5) Ibid, m/s 89.

wanafsu Baginda. Peribadinya mencangkupi segala aspek kehidupan.[1] Sifat-sifatnya menyebabkan Baginda mendapat sanjungan dari semua pihak semenjak Baginda belum diutuskan menjadi rasul. Rasulullah amat dipercayai sehingga beliau diberi gelaran "al-amin", penjaga yang teguh dan pemegang amanat yang tidak terpedaya.[2] Jalan yang dibawa oleh Rasulullah merupakan jalan keselamatan yang hakiki kerana beliau adalah contoh insan yang mendapat kebahagiaan dan keselamatan yang hakiki.[3]

Suatu hari Saidina Ali telah bertanya kepada Nabi tentang prinsip-prinsip yang mendasari perilakunya, Nabi menjawab; ilmu pengetahuan modalku, akal fikiran adalah dasar agamaku, cinta adalah landasanku, hasrat adalah kenderaanku, ingat kepada Allah adalah sahabatku, cemas adalah kawanku, sabar adalah bajuku, pengetahuan adalah tanganku, kepuasan adalah harta rampasanku, menolak kesenangan adalah profesenku, keyakinan adalah makananku, kebenaran adalah sarananku, taat adalah pembekalanku, jihad adalah kebiasaanku dan kesenangan hatiku ialah dalam mengerjakan ibadat.[4]

Doktrin pokok yang dikemukakan oleh Al-Quran yang dibawa oleh Rasulullah adalah bahawa; Kebahagiaan manusia di dunia dan

---

1) Ismail Abdullah, Rasulullah contoh ikutan yang baik, Berita Harian, Utusan Melayu (Malaysia), Kuala Lumpur, 13.10.1989.
2) Hakim Abdul Hameed, Aspek aspek pokok agama Islam, Drs.M.Ruslan Shiddieq, Pustaka Jaya, Jakarta, cetakan 1, 1983, m/s 43.
3) Azizi Hj. Abdullah, Krisis intelektual Islam atau intelektual yang baru mendekati Islam, Al-Islam, Utusan Melayu (Malaysia), Kuala Lumpur, April 1986, m/s 59.
4) Hakim Abdul Hameed, op.cit, m/s 72.

di akhirat hanya mungkin tercapai dengan memahami kehendak Allah yang dimenifestasikan di dalam hukum-hukum mengenai sifat manusia dan sains, dan aplikasi yang tepat dari hukum tersebut melalui aktiviti etis".[1] Maksud etis di sini ialah akhlak dan budi pekerti yang dihasilkan oleh Rasulullah. Penciptaan kebudayaan manusia mestilah mengutamakan kesalihan peribadi dan warganegara yang mentaati agama lebih daripada material dan lain-lain.[2]

Taat kepada Rasul adalah perkara wajib dan mengingkarinya bermakna menderhakai Allah.[3] Firman Allah ~~yang berbunyi~~;

قُلْ أَطِيعُوا اللَّهَ وَالرَّسُولَ فَإِن تَوَلَّوْا فَإِنَّ اللَّهَ لَا يُحِبُّ الْكَافِرِينَ

Maksudnya, "Katakanlah (hai Muhammad) taatlah kamu kepada Allah dan Rasulnya, maka jika kamu berpaling, sesungguhnya Allah tidak suka kepada orang-orang kafir.(a)

Secara umumnya Allah perintahkan orang-orang mukmin melaksanakan semua yang diperintahkan oleh Rasulullah dan meninggalkan semua yang dilarangnya.[4] Keputusan Nabi adalah keputusan Tuhan dalam erti kata Tuhan sendiri telah mengharuskan mengikuti dan menerimanya. Adalah kehendak Tuhan yang azali untuk memberi kemuliaan kepada Nabi dengan melindunginya dari kekhilafan dan membimbing dengan kebenaran.[5]

---

1) S.Waqar Ahmad Husaini, Sistem pembinaan masyarakat Islam, Anas Mahyuddin, Pustaka Salman, Bandung, cetakan 1, 1983, m/s 19.
2) Ibid.
3) H.Harun Ar-Rasyid, Sunnah Rasul, Risalah Islamiah, Pimpinan Nasional Lembaga Missi Islam, Jakarta, tahun II, Januari 1970, m/s 40.
4) Ibid.
5) Abu Abdillah Muhammad B. Idris, As-Syafeei, Ar-Risalah, Ahmadie Thoha, Pustaka Antara, Kuala Lumpur, cetakan 1, 1988, m/s 83.
a) Al-Quran, surah Ali-Imran ayat 32.

Selain dari Nabi, sahabat-sahabatnya adalah mereka yang patut dicontohi dalam membina peribadi manusia, sebab, mereka adalah sebagai bintang-bintang (kan-nujum) yang memberi panduan dalam hidup mengikut hakikat seperti yang dibawa oleh Rasulullah.[1] Contoh mereka yang tergolong banyak mengembangkan hadith ialah Abu Hurairah, Abdullah B. Amr, Abdullah B. Abbas dan lain-lain.[2]

Imam Bukhari dan Imam Muslim juga orang yang bertanggungjawab mengumpulkan hadith, walaupun tidak "maksum" tetapi sifat-sifat merek terhimpun kemuliaan dan ketakwaan. Mereka bukan dari golongan "pandang apa yang dikata dan jangan pandang siapa yang berkata" tetapi mereka adalah golongan "Pandang siapa yang berkata sebelum pandang apa yang dikata".[3]

Kesempurnaan akhlak di antara tujuan tertinggi risalah Nabi Muhammad.[4] Prof.Miqdad Yaljan menjelaskan;

"Katarangkai cunama (hanya) dalam ilmu Balaghah dianggap sebagai katarangkai pembatas di mana Rasulullah membataskan tujuan risalahnya pada akhlak".

---

1) Muhammad Uthman Al-Muhammady, Peribadi Rasulullah contoh yang sebaik-baiknya, <u>Roh Islam</u>, Ilham, Petaling Jaya, jilid II, Mei 1976, m/s 5.
2) H.Harun Ar-Rasyid, Sunnah Rasul, <u>Risalah Islamiah</u>, Pimpinan Nasional Lembaga Missi Islam, Jakarta, tahun II, Januari 1970, m/s 59.
3) Azizi Hj. Abdullah, Krisis intelektual Islam atau krisis intelektual yang baru mendekati Islam, <u>Al-Islam</u>, Utusan Melayu (malaysia), Kuala Lumpur, April 1986, m/s 59.
4) Mohd kamal hassan (prof.Dr), <u>Pendidikan dan pembangunan, satu perspektif bersepadu</u>, Nurin Enterprise, Kuala Lumpur, cetakan 1, 1988, m/s 59.

Dr. Omar Al-Syaibani berkata;[1]

"Akhlak menurut pengertian Islam adalah salah satu hasil dari iman dan ibadat. Bahawasanya iman dan ibadat manusia tidak sempurna kecuali kalau timbul dari satu akhlak yang mulia dan muamalah yang baik terhadap Allah dan makhlukNya dan bahawa akhlak yang mulia dari muslim yang dipegang teguh harus dipelihara bukan hanya terhadap manusia tetapi juga wajib dan lebih lagi terhadap Allah dari segi aqidah dan ibadat".

Ibadat tidak terpisah dari akhlak. Segala peribadatan dalam perhambaan diri kepada Allah adalah bersangkutan dengan pendidikan akhlak. ᶜUlama Islam yang masyhur sering menggabungkan di ri antara disiplin dan tauhid, fekah dan tasawuf dalam pembentukan akhlak yang mulia.[2] Orang-orang yang mempunyai keteguhan akidah serta tekun beribadat seharusnya mempunyai akhlak dan sopan santun di dalam pergaulan dengan manusia.[3]

Iman dalam Islam tidak akan sempurna tanpa menghasilkan amal saleh dan akhlak yang mulia. Syed Al-Ghazali dalam bukunya[4] menjelaskan;

"Kuat dan lemah iman seseorang dapat diukur dan diketahui daripada perilaku akhlaknya. Kerana iman yang kuat mewujudkan akhlak yang baik dan mulia, sedang iman yang lemah mewujudkan akhlak

---

1) Mohd Kamil Hassan (Prof.Dr), Pendidikan dan pembangunan, satu perspektif bersepadu, Nurin Enterprise, Kuala Lumpur, cetakan 1, 1988, m/s 59.
2) Ibid, m/s 61.
3) Ibid.
4) Mohd Kamal Hassan (Prof.Dr), Pendidikan dan pembangunan, satu perspektif bersepadu, Nurin Enterprise, Kuala Lumpur, cetakan1, 1988, m/s 59.

yang baik dan mulia, sedang iman yang lemah mewujudkan akhlak yang jahat, mudah keliru pada perbuatan keji yang merugikan diri nya sendiri dan orang lain".

Kebersihan jiwa dam ketinggian akhlak menusia merupakan hasil ibadat dan dapat mendekatkan diri kepada Allah.[1] Individu muslim yang mempunyai ciri-ciri akhlak akan menjadi asas dan tiang kepada masyarakat. Dari sinilah mulanya pembangunan sesuatu masyarakat, masyarakat manusia yang cerdik dan memperhatikan kebaikan. Kemajuan dan ketinggian masyarakat tidak dinilai dengan kebendaan semata-mata tetapi diukur ~~dengan~~ suatu nilai yang berbentuk kemanusiaan yang terhimpun di dalam konsep akhlak.[2] Rosak tidaknya sesuatu bangsa bergantung kepada akhlak seperti mana seorang penyair arab', Syauqi Bey telah berkata;

وأنما الامم الاخلاق ما بعثت * وان همو ذهبت اخلاقهم ذهبوا

"Satu bangsa dikenal kerana akhlaknya £ jika budipekertinya telah runtuh maka runtuhlah pula bangsa itu".(a)

---

1) Mohd. Kamal Hassan (Prof.Dr), Pendidikan dan pembangunan, satu perspektif bersepadu, Nurin Enterprise, Kuala Lumpur, cetakan 1, 1988, m/s 59.
2) Ismail Ibrahim (Prof.Dr), Konsep ibadah dalam Islam, Al-Islam, Utusan Melayu (Malaysia), Kuala Lumpur, April 1986, m/s 32.
3) Abdul Raof Dalip, Pembentukan insan saleh, Al-Islam, Utusan Melayu (Malaysia), Kuala Lumpur, Jun 1988, m/s 30.
a) Drs.M. Ali Hasan, Tuntutan akhlak, Thinkers Library, Johor Baharu, cetakan 1, 1984, m/s 8.

## 2.5. Pengajian Hadith ke arah membentuk tradisi keilmuan dan kesepaduan ilmu pengetahuan.

Firman Allah s.w.t. yang berbunyi;

اقرأ باسم ربك الذى خلق ۝١ خلق الإنسن من علق ۝٢

اقرأ وربك الأكرم ۝٣ الذى علم بالقلم ۝٤ علم الإنسن ما لم يعلم ۝٥

Maksudnya;"Bacalah dengan nama tuhanmu yang menjadikan, yang menjadikan kamu dari segumpal daging, bacalah dengan nama tuhanmu yang paling pemurah, yang mengajarkan manusia dengan kalam, Dia mengajar manusia apa yang tidak diketahui".(a)

Apa yang dimaksudkan dengan "Iqrak" ialah mengenali, memahami dan berusaha untuk meyakini.[1] Allah juga menerangkan bahawa Dia jualah yang pertama kali memberi pendidikan seperti menulis dan membaca dengan segala sifat pemurahnya.[2] Di dalam ayat ini Allah menunjukkan pendidikan ilmu adalah berpaksikan tauhid kepada Allah yang mencipta manusia dari segumpal darah, dengan berfikir wujudnya kuasa Allah dengan menggunakan pena, bahkan pena dan cara pengajaran hanya datang dari Allah.[3] Kepandaian membaca dan menulis dianggap sebagai satu alat mengajar dan mempelajari ilmu yang memberikan keupayaan yang luas untuk terdedah kepada pelbagai ilmu.[4] Ia juga dianggap sebagai batu asas untuk mencapai kemajuan hidup di

---

a) Al-Quran, surah Al-Alaq, ayat 1 hingga 5.
1) Hj. Abdullah Siddik (Dr), Islam Dan Ilmu Pengetahuan, Dewan Bahasa Dan Pustaka, Kuala Lumpur, cetakan 2, 1980, m/s 137.
2) K.H. Moh. Siradj, Ilmu Dan Amal, Risalah Islamiah, Pimpinan Nasional Lembaga Missi Islam, Jakarta, tahun II, November 1970, m/s 700.
3) Abdul Raof Dalip, Pembentukan Insan Saleh, Al-Islam, Utusan Melayu, Kuala Lumpur, Jun 1988, m/s 32.
4) Muhammad Syukri Salleh, Pembangunan berteraskan Islam, Fajar Bakti, Petaling Jaya, cetakan 1, 1987, m/s 22.

dunia ini dan juga di akhirat.[1] Ia juga sebagai alat utama untuk mempertajamkan fikiran sealiran dengan kemajuan masa.[2] Seruan di atas mempunyai nilai yang tinggi dalam menyanjung ilmu serentak membasmi buta huruf.[3] Ilmu di dalam Islam adalah datang dari Allah maka setiap permulaan kepada menuntut ilmu mestilah bermula dengan nama Allah.[4]

Di dalam ayat lain Allah berfirman;

قُلْ هَلْ يَسْتَوِي الَّذِينَ يَعْلَمُونَ وَالَّذِينَ لَا يَعْلَمُونَ

Maksudnya;" Katakanlah adakah sama orang yang mengetahui dengan orang yang tidak mengetahui.(a)

Di dalam ayat ini Allah telah membezakan antara orang yang berilmu dengan sebaliknya.

Individu Islam yang baligh dituntut mempelajari ilmu pengetahuan apatah lagi yang menyentuh soal keagamaan. Sabda Rasulullah berbunyi;

طَلَبُ الْعِلْمِ فَرِيضَةٌ عَلَى كُلِّ مُسْلِمٍ

Maksudnya;"Menuntut ilmu adalah wajib bagi lelaki dan perempuan muslim".(b)

---

1) Al-Ghazali, Abu Hamed Mohamed Bin Ahmad, Pekerti muslim siri 3, Ismail Mohd Hassan, Yayasan Islam Terengganu, cetakan 1980, m/s 122.
2) Hj. Abdullah Siddik, Islam Dan Ilmu Pengetahuan, Dewab Bahasa Dan Pustaka, Kuala Lumpur, cetakan II, 1980, m/s 138.
3) Al-Ghazali, Abu Hamed Muhamad Bin Ahmad, op.sit.
4) Ibrahim Mohammad, Kemanakah haluan pendidikan moden kita, Roh Islam, Ilham, Petaling Jaya, jilid II, November 1976, m/s 35.
a) Al-Quran, surah Az-Zumar, ayat 6.
b) Abi Abdillah Mohd B. Yazid Al-Qazwini, sunan Ibnu Majah, juzuk 1, m/s 81.

Rasulullah sebagai orang yang pertama menerima wahyu merupakan seorang penggalak manusia ke arah menuntut ilmu pengetahuan kepada seluruh lapisan masyarakat. Ilmu yang diajar mengikut kesesuaian penerimanya. Usaha-usaha untuk menyedarkan masyarakat tentang betapa pentingnya menulis dan membaca dilakukan dengan menekankan soal keamanan, syariat dan akhlak.[1] Orang-orang Islam sentiasa digalakkan mengembara mencari ilmu pengetahuan.[2] Sabda Baginda yang berbunyi;

مَنْ سَلَكَ طَرِيقًا يَبْتَغِي فِيهِ عِلْمًا سَهَّلَ اللهُ لَهُ طَرِيقًا إِلَى الْجَنَّةِ

Maksudnya;"Barangsiapa yang berjalan dengan maksud mencari ilmu pengetahuan nescaya Allah memudahkan baginya jalan ke syurga.(a)

Kesedaran rasulullah tentang pentingnya ilmu ini bermula sejak sebelum hijrah lagi. Apabila sampai di Madinah, Rasulullah terus mendirikan masjid Qaba di mana satu bahagian masjid dikhaskan untuk pendidikan yang dikenali dengan nama "as-Suffah". Selepas itu terdapat sembilan buah masjid lagi yang di antara tujuannya adalah tujuan pendidikan.[3]

Para sahabat di zaman Rasulullah sangat menitik beratkan peningkatan ilmu masing-masing. Mereka tidak putus-putus menghadiri majlis-majlis ilmu Baginda. Terdapat kabilah-kabilah yang tinggal berjauhan dengan Madinah mengirim utusan kepada Rasulullah un

---

1) Zawawi Hj. Ahmad, <u>Kaedah Dan Teknik Pengajaran</u>, Internasional Book Service, Selangor, cetakan 1, 1984, m/s 178 hingga 185.
2) Mohd. Napiah Abdullah, <u>Peranan Dan Metodologi Hadith</u>, Jabatan Hal Ehwal Agama Islam, Kuala Lumpur, cetakan 1, 1986, m/s 27.
3) Ibid.
a) Abi Zakaria Yahya B. An-Nawawi, <u>Riadhus-Solihin</u>, riwayat Abu Daud dan Tarmazi, cetakan 1, 1938, m/s 531.

tuk mempelajari hukum-hukum Islam. Kemudian utusan itu akan kembali kenegeri masing-masing sebagai terpelajar.[1] Terdapat juga para sahabat yang sanggup berjalan berbatu-batu semata-mata ingin menghadiri majlis ilmu Rasulullah. Jika mereka tidak dapat bertemu dengan Rasulullah sudah menjadi kebiasaan mereka berjumpa dengan isteri-isteri Nabi tentang beberapa masalah. Begitu juga dengan kaun wanita ketika itu.[2] Para sahabat juga telah cuba meneroka dan memperkembangkan segala ilmu yang mereka warisi kepada generasi selepas mereka. Kemudian generasi Tabi$^{c}$in telah melanjutkan dengan semangat yang gigih dan ikhlas.[3]

Agama adalah pendorong kuat kepada umat Islam untuk mencari ilmu pengetahuan. Prof. Mohd. Faneil Wajdi telah berkata;

"Tidak didapati satu agama dari seluruh agama dan tidak ada satu organisasi masyarakat yang terkenal baik yang lama mahupun yang baru, yang mampu sampai seperti agama Islam, tentang usaha mengangkat darjat ilmu dan menyiarkannya....., maka ilmu yang dianjurkan oleh Al-Quran dan Al-Hadith oleh Rasulullah adalah sekelian yang menolak ketepi segala kejahilan dan kebodohan sama ada dalam hal i$^{c}$tiqad agama ataupun dalam hal mengejar kebendaan. Allah Maha mengetahui bahawa manusia berhajat kepada ilmu yang saheh dalam hal yang berkenaan dengan i$^{c}$tiqad juga berhajat kepada ilmu yang saheh untuk membaiki kehidupannya.....(4)

Sejarah dunia hari ini telah mengakui bahawa Islam telah melahirkan satu tamadun besar yang telah membawa keamanan dan kesejahte

---

1) Mustafa Siba$^{c}$i, Al-Hadith Sebagai Sumber Hukum, Drs.Dja$^{c}$far Abdul Muchith, CV. Diponegoro, Bandung, cetakan I, 1979, m/s 89.
2) Ibid, m/s 88.
3) Zawawi Hj. Ahmad, Kaedah Dan Teknik Pengajaran, Internasional Book Service, Selangor, cetakan I, 1984, m/s 187.
4) Hj.Abdullah Siddik (Dr), Islam Dan Ilmu Pengetahuan, Dewan Bahasa Dan Pustaka, Kuala Lumpur, cetakan II, 1980, m/s 138.

iaitu pengisian akal dengan memberi kebenaran tentang manusia dan menggunakan daya fikiran dan usaha dalam meneroka alam yang di dalamnya mengandungi sifat penciptaan.[1] Hadith adalah ilmu yang berkaitan dengan aqidah seseorang.[2]

Pembinaan ilmu ini telah mencorakkan idea Islam dalam berbagai bidang kehidupan; dalam undang-undang, perhubungan sosial, berpakaian dan pergaulan, percakapan dan gerak geri dan adab dan tatasusila. Serentak dengan itu kedapatan perawi-perawi hadith orang yang mahir di dalam semua bidang ilmu.[3] Pembinaan peribadi yang berdasarkan ilmu pengetahuan sebenar akan memberi kebahagiaan kepada pemiliknya dunia dan akhirat. Ilmu pengetahuan asas sebagai titik mula untuk mendalami satu-satu kajian dan yang penting permikiran Islam itu dapat disemai dan bertunjang di jiwa mereka.[4]

Proses pengajaran dan pembelajaran di dalam Islam memerlukan penjagaan hati yang teliti agar tidak dicemari oleh segala bentuk kekotoran termasuk sifat-sifat terkeji. Semakin jauh proses ini berjalan, semakin tinggilah pembentukan sifat-sifat terpu

---

1) Abdul Raof Dalip, Pembentukan Insan Saleh, al-Islam, Utusan Melayu (Malaysia), Kuala Lumpur, Januari 1988, m/s 32.
2) Azizi Hj. Abdullah, Krisis Intelektual Islam Atau Krisis Intelektual Yang Baru Mendekati Islam, Al-Islam, Utusan Melayu (Malaysia), Kuala Lumpur, April 1986, m/s 59.
3) Muhammad Syukri Salleh, Pembangunan Berteraskan Islam, Fajar Bakti, Petaling Jaya, cetakan I, 1987, m/s 23.
4) Ibid, m/s 22.

ji.[1] Penghayatan dan permahaman ilmu dengan hati merupakan kemun cak kepada pengajaran dan pembelajaran ilmu dalam Islam. Umpamanya kekuatan mata hati Nabi Khaidir yang mampu menanggani realiti so sial melalui ilmu Ladunni yang diajarkan terus oleh Allah kepada nya.[2] Ilmu mendidik hati, kemudian hatilah yang mendidik akal. Ma nakala ilmu seumpama pembimbing dan amal seumpama pengikut.[3] Ilmu pengetahuan Islam terangkum dalam fardu ain dan fardu kifayah. Ke duanya akan melahirkan pembangunan manusia yang berteraskan Islam sejati.[4] Cantuman ilmu dan amal lahirlah sumber kebahagiaan bagi umat Islam baik kebahagiaan rohani mahupun lahiriah beserta keba hagiaan dunia dan akhirat untuk kebahagiaan yang kekal abadi.[5] Na tijah dari kesepaduan akal dengan hati dan ilmu dengan amal ialah kelahiran manusia bertakwa, mengabdikan diri kepada Allah dan men jadi kepercayaan Allah di atas mukabumi ini.[6]

Ilmu pengetahuan banyak mempengaruhi ketinggian iman. Ma kin tinggi ilmu yang dimiliki, makin mantaplah keimanan yang empu nya itu terhadap Allah yang bersangkutan dengan agama.[7] Ini dise babkan dengan ilmu akan timbul kesedaran manusia di atas kelema

---

1) Muhammad Syukri Salleh, <u>Pembangunan Berteraskan Islam</u>, Fajar Bakti, Petaling Jaya, cetakan I, 1987, m/s 23.
2) Ibid, m/s 22.
3) Ibid, m/s 25.
4) Ibid, m/s 31.
5) K.H.Moh. Siradj, Ilmu Dan Amal, <u>Risalah Islamiah</u>, Pmpinan Na sional Lembaga Missi Islam, Jakarta, tahun II, Nevember 1970, m/s 700.
6) Muhammad Syukri Salleh, op.cit, m/s 25.
7) cAfiff Abdul Fattah Thabbarah, <u>Jiwa Agama Islam I</u>, M.Abdai Rathomy, Pustaka Nasional, Singapura, cetakan I, 1983, m/s 235.

hannya dan mampu mencari sebab musabab yang akan terhasil pembaikan diri yang menuju ke arah kesempurnaan.[1] Identiti perkembangan ilmu dan permikiran umat Islam dapat dikekalkan kaedah integrasi iman kepada Allah, ilmu yang bermanafaat, amal yang saleh dan akhlak yang mulia yang kesemuanya bersandarkan doktrin tauhid dalam mempelajari, mencari, mengajar dan mengembangkan ilmu pengetahuan Islam yang ada.[2] Kesepaduan Ilmu di dalam Islam termasuklah ilmu pembangunan berteraskan Islam dan menyatupadukan pelbagai aspek kehidupan manusia.[3]

Dengan ilmu manusia dapat meyakini dirinya tentang pengabdian diri (menurut kerja ibadat) dengan terus menunaikan tanggung jawab pengabdian kepada Tuhannya yang hak. Kecenderungan beramal dan berakhlak lahir dari sifat rasa diri. Pengabdian diri kepada Allah dan penyempurnaan amanah sebagai khalifahNya dapat dilaksanakan apabila adanya integrasi antara ilmu dan permikiran dengan iman kepada Allah s.w.t. Sehingga dapat membangkitkan dirinya, masyarakatnya dan alam sekitarnya.[4] Matlamat terakhir dalam mencari ilmu pengetahuan ialah mencari keredhaan Allah dan mengharapkan

---

1) Abdul Mun^c^im Abdul Hamid, Hakikat Iman Menurut Al-Quran Dan Hadith, Mahyuddin Syaf, Pustaka Nasional, Singapura, cetakan I, 1983, m/s 13.
2) Mohd. Kamal Hassan (Prof.Dr), Pendidikan Dan Pembangunan, Satu Perspektif Bersepadu, Nurin Enterprise, Kuala Lumpur, cetakan I, 1988, m/s 19.
3) Muhammad Syukri Salleh, Pembangunan Berteraskan Islam, Fajar Bakti, Petaling Jaya, cetakan I, 1987, m/s 33.
4) Abdul Raof Dalip, Penghayatan Islam Dalam Mencari Ilmu, Mastika, Utusan Melayu (Malaysia), Kuala Lumpur, November 1989, m/s 53.

ganjaran pahalaNya.[1]

Orang-orang yang berilmu banyak diberi keistimewaan oleh Allah dan RasulNya.[2] Sabda Rasulullah yang berbunyi;

أَوْلَى النَّاسِ بِي يَوْمَ الْقِيَامَةِ أَكْثَرُهُمْ عَلَيَّ صَلَاةً

Maksudnya;"Sesungguhnya yang paling selamat di antaramu di akhirat kelak dari segala resikonya dan dari tempat resikonya ialah yang paling banyak selawat untukku".(a)

Orang-orang yang berilmu pengetahuan dan dijuruskan kepada pengetahuan yang sebenar tidak akan sesat hidupnya dan mendapat ganjaran pahala daripada Allah di dunia dan kebahagiaan di akhirat. Semakin tinggi ilmu, semakin teballah iman mereka terhadap Allah dan taat beribadat.

---

1) Al-Ghazali, Abu Hamed Mohamad B. Ahmad, Pekerti Muslim Siri 3, Ismail Mohd. Hassan, Yayasan Islam Terengganu, Kuala Terengganu, cetakan 1980, m/s 131.
2) Usman Al-Khaibawi, Durratun Nasihin, Mutiara Mubaligh, Abdullah Shonhadji, Toko Kitab Al-Munawar, Semarang, m/s 55.
a) Abi Zakaria Yahya B. An-Nawawi, Riadhus-Solihin, Riwayat At-Tarmazi, cetakan 1, 1938, m/s 533.

## 2.6. Al-Quran Dan Hadith Tunjang Pendidikan Islam.

Pendidikan di dalam Islam bukanlah sekadar pengajaran pengetuan, kemahiran permikiran dan teknik seperti halnya dengan pedagang ekonomi yang sempit tetapi di waktu yang sama adalah proses pengembangan sosial, jasmani, permikiran, intelektual, emosi dan akhlak yang berfungsi menyiapkan individu agar memberi sumbangan berkesan dalam kehidupan sosial dalam berbagai segi. Ia dapat menyiapkan manusia aktif dalam segala peringkat bukan hanya peringkat produksi semata-mata.[1]

Pendidikan Islam adalah satu proses resmi atau tidak yang memupuk seluruh potensi semulajadi manusia, jasmani dan rohani termasuk kecerderasan otak, budi pekerti dan daya ciptanya secara padu dan seimbang, bagi melahirkan individu yang menyedari hakikat dirinya ( dari Allah dia datang dan kepadaNya dia akan kembali) yang akan menjadi anggota masyarakat yang sempurna, membina negara selaras dengan ajaran Islam, berilmu dan beramal dan bertakwa menurut ajaran agamanya untuk kebahagiaan dunia dan akhirat nanti.[2] Pendidikan juga disebut suatu gagasan konsep yang saling kait mengait dalam satu carta permikiran yang berdasarkan beberapa prinsip nilai yang dibawa oleh Islam. Ianya gagasan yang menggariskan beberapa langkah dan landasan ilmiah yang mana jika dilaksanakan nescaya dapat membentuk peribadi yang sesuai dengan a

---

1) Abdul Raof Dalip, Pembentukan Insan Saleh, Al-Islam, Utusan Melayu (Malaysia), Kuala Lumpur, Januari 1988, m/s 31.
2) Awang Had Salleh (Prof.Dato), Bumiputra Dalam Pendidikan, Pustaka Ilmu Raya, Kuala Lumpur, cetakan I, 1981, m/s 72.

kidah Islam.[1]

## 2.6.1. Objektif Pendidikan Zaman rasulullah.

Objekif pendidikan di zaman Rasulullah adalah membentuk peribadi Islam yang tulin yang dapat bangun berjuang bagi menegakkan agama Islam, agama Allah yang suci.[2] Intisari daripada pendidikan itu ialah;

a) Mendidik dengan akhlak yang mulia.

b) Memberi contoh teladan yang baik, pengajaran dan nasihat-nasihat.

c) Membentuk warganegara yang baik dan masyarakat yang baik, berakhlak dan berpegang teguh kepada ajaran agama.

d) Tanamkan perasaan cinta kepada Allah.

e) Menanam kepercayaan yang benar.

f) Mendidik supaya mengikuti suruhan tuhan dan meninggalkan laranganNya.

g) Menjalankan ibadat kepada Allah, mengetahui hikmat dn faedah yang berpengaruh di dunia dan akhirat.[3]

Matlamat pendidikan Islam adalah untuk membina akhlak yang mulia di kalangan masyarakat.[4] Pendidikan akhlak ini berbentuk sempurna dan bernilai iaitu mendidik untuk mengenal baik dan bu

---

1) Zawawi Hj. Ahmad, Kaedah Dan Teknik Pengajaran, Internasional Book Service, Selangor, cetakan I, 1984, m/s 6.
2) Ibid, m/s 168.
3) H. Mahmud Yunus (Prof.Dr), Method Khusus Pendidikan Islam, PT. Hidakarya Agung, Jakarta, cetakan II, 1983, m/s 13.
4) Ibid, m/s 107.

ruk dan apa yang perlu dilakukan dan apa yang perlu ditinggalkan untuk memandu mereka bergaul sesama mereka dan masyarakat luar.[1] Melahirkan generasi berakhlak sempurna adalah tujuan sebenar pendidikan dan merupakan tujuan pokok.[2]

Pendidikan yang sempurna ialah mereka yang mempunyai ketinggian akhlak yang mempunyai budi pekerti yang mulia, bersopan santun, mempunyai jiwa yang suci, jiwa yang jujur, tiada hasad dengki, tamak dan haloba pada perkara yang bukan-bukan.[3] Pendidikan akhlak adalah segala rupa pendidikan yang bersifat praktik dan teori yang meninggikan akhlak ke arah kesempurnaan. Dengan itu terbeza antara manusia dan haiwan.[4] Dasar-dasar akhlak Islam ialah;

a) pengajaran dan tekad, dan

b) Pengajaran dan contoh daripada Nabi Muhammad yang diakui oleh al-Quran sebagai teladan utama yang terdapat dalam Al-Quran dan Hadith.[5] Prof. Abbas Taha mengatakan;

" Pendidikan budi memberikan lunas dan jalan yang sebaiknya kepada kita manusia ini dapat mempraktikkan sifat ar-rahmah (penyantut) sebagai lambang manusia yang beradab. Sifat sopan santun adalah lambang utama menyihatkan masyarakat yang sakit, menyembuhkan jiwa yang kasar dan sifat yang meresap ke sanubari membawa kita kepada sifat yang lebih tinggi; amanah, ikhlas dan taufik.(6)

---

1) Sulaiman Hamzah dan Karimah Zainab, Aliran Pendidikan, Pustaka Aman Press, Kota Baharu, cetakan 8, 1980, m/s 42, 43.
2) Mohd. Athiyah Al-Abrasyi (Prof.Dr), Dasar-Dasar Pokok Pendidikan Islam, H.Bustami A. Ghani (Prof), Djohar Bahry, Bulan Bintang, Jakarta, cetakan 5, 1987, m/s 1.
3) Sulaiman Hamzah dan Karimah Zainab, op.cit, m/s 265.
4) Abdullah Al-Qari Bin Haji Salleh, Dasar-Dasar Pendidikan menurut Islam, Pustaka Aman Press, Kota Baharu, cetakan 2, 1982, m/s 92.
5) Ibid, m/s 96.
6) Ibid.

Asuhan akhlak di sekolah ada yang bersifat langsung dan tidak langsung. Guru-guru mencerminkan segala sesuatu yang baik dan bernilai tinggi. Mereka diberi didikan bagaimana bergaul, berakhlak tinggi, menegah sesuatu yang bertentangan dengan peribadi mereka sebagai penuntut sekolah, disisipkan segala anasir yang sihat dan baik ke dalam jiwa mereka dengan harapan mereka laksanakan apabila dewasa kelak.[1] Guru sebagai pemandu dan petunjuk kepada para pelajar serta bertanggungjawab kepada kesihatan otak, pertumbuhan mereka dan menyelesaikan masalah mereka.[2]

Peribadi muslim yang dibentuk oleh kefahaman dan pendidikan Islam, adalah manusia yang taat setia kepada Allah untuk Allah dengan patuh kepada segala hidayatNya, suka kembali dan taubat kepadaNya, bergembira menerima perlindunganNya, redha menerima qada dan qadarNya, bergembira menerima keputusanNya, sentiasa berusaha sungguh-sungguh dan bercita-cita mencapai keredhaan Allah.[3] Sesungguhnya tujuan akhir pendidikan Islam adalah sama dengan tujuan hidup yang telah ditentukan oleh Allah untuk individu, keluarga dan masyarakat iaitu pengabdian diri kepada Allah Taala. Jadi objektif segera yang hendak dicapai melalui pendidikan tidak harus keluar dari garis kasar tujuan hidup yang ditentukan oleh Allah.[4]

---

1) Sulaiman Hamzah, Karimah Zainab, Aliran Pendidikan, Pustaka Aman Press, Kota Baharu, cetakan 8, 1980, m/s 44.
2) Ibid, m/s 83.
3) Mohd. Ali Hashimi, Keperibadian Muslim II, Haji Tahir Daeng Mengati, Pustaka Salam, Kuala Lumpur, cetakan 1, 1988, m/s 313.
4) Mohd. Kamal Hassan (Prof.Dr), Pendidikan Dan Pembangunan Satu Perspektif Bersepadu, Nurin Enterprise, Kuala Lumpur, cetalan 1, 1988, m/s 50.

## 2.7. Mata Pelajaran Hadith Di STASAB.

### 2.7.1. Matlamat Dan Objektif Pengajian Hadith.

Terdapat tiga objektif yang telah digariskan oleh STASAB iaitu;

a) Menambah pengetahuan pelajar dalam bidang ilmu hadith.

b) Melahirkan generasi baru yang berakhlak mulia.

c) Membiasakan pelajar beramal dengan hukum-hukum yang dipelajari daripada hadith-hadith Nabi.[1]

Guru-guru berperanan membimbing dn menerangkan intisari Islam setepatnya melalui hadith. Intisari ini merupakan pengetahuan yang berguna untuk mereka. Pelajar-pelajar akan diberi penerangan jelas bahawa Rasulullah adalah contoh teladan yang baik dan hadith adalah sumber kedua penting di dalam Islam. Ianya tidak boleh dipandang ringan.[2] Semua tajuk yang diajar di kaitkan dengan isu semasa sebagai bukti peninggalan seerah Rasulullah adalah praktik dan bukan hanya teori serta sesuai pada bila-bila masa, keadaan dan tempat.[3] Para pelajar diberikan kefahaman yang jelas tentang pentingnya hadith yang berkaitan dengan akidah, ibadat dan akhlak iaitu dengan menghayati hadith yang diajarkan dan dididik supaya mempraktikkannya.[4]

---

1) Hj. Mohd. Shahir Hj. Abdullah, Pengajian Hadith Di Sekolah Sekolah Menengah Agama, Seminar Pengajian Hadith Dalam Konteks Pembangunan Ummah, Pusat Islam, Kuala Lumpur, 19 hingga 20 Ogos 1988
2) Ustaz Zulkefli Haji Hasanuddin, guru hadith, temuramah dengan penulis, bilik perpustakaan STASAB, 12.6.1989.
3) Ibid.
4) Ustazah Sh. Khairiah Sy.Abd. Rahman, guru hadith, temuramah dengan penulis, rumah guru STASAB, 11.6.1989.

Penuntut sekolah agama pada hari ini merupakan generasi yang akan mempertahankan kedudukan dan kewibawaan hadith di masa akan datang. Terutamanya gejala-gejala syirik yang berlaku di dalam masyarakat Islam pada hari ini seperti golongan anti-hadith yang bergerak bebas dan boleh menimbulkan keraguan dalam masyarakat umum.[1]

2.7.2. **Teks Pengajian Hadith.**

Teks pengajian hadith tidak sama antara tingkatan dan tahun. Ianya seperti berikut;

a) Bagi tingkatan 4, mereka ditetapkan tajuk tertentu sebagai mata pelajaran iaitu sebanyak 20 hadith yang mempunyai tajuk-tajuk yang berlainan antara satu sama lain. Semuanya berkisar di dalam masalah akhlak misalnya adab dengan jiran, adan dengan kedua ibu bapa dan sebagainya.[1]

b) Bagi aliran STA dan STPM, hadith-hadith yang mereka pelajari tidak ditentukan tajuknya. Tetapi semua hadith tersebut diambil dari sebuah kita iaitu "Nurul Wiam" karangan seorang ulama' hadith dan tajuk buku pelajaran ini juga dinamakan "Nurul-Wiam" ( نور الوئام ) sempena nama sebenar sumber hadith tersebut.

---

1) Ustazah Sh. Khairiah Sy. Abd. Rahman, Sukatan Pelajaran Untuk Tingkatan 4, Buku Ringkasan Mengajar, 1989, m/s 21 hingga 23.

Satu lagi bahagian pelajaran mereka ialah pelajaran Mustalah Hadith yang diberi nama " Muzakirat Fi ᶜulumul Hadith ".[1] Di dalamnya amengandungi 16 mukasurat untuk tahun pertama dan 36 mukasurat untuk tahun kedua (52 mukasurat). Isi kandungannya diajarkan sejarah pertumbuhan hadith, makna hadith, jenis-jenis hadith, nama-nama perawi hadith yang terkenal (Rijallul Hadith) dan bahagian-bahagian hadith (saheh, hasan dan dhaif).[2]

### 2.7.3. Masa Pengajian.

a) aliran STA. Diperuntukkan masa sebanyak 160 minit dalam seminggu, iaitu empat kali seminggu dan setiap kelas diperuntukkan masa sebanyak 40 minit.

b) Tingkatan STPM juga diperuntukkan masa selama 160 minit seminggu, iaitu sama seperti aliran STA.

c) Tingkatan 4. Diperuntukkan masa selama 120 minit, iaitu tiga kali dalam seminggu dan setiap sekali diperuntukkan 40 minit seperti pelajaran lain juga.[3]

### 2.7.4. Sistem Pengajaran.

Sistem pengajaran bagi mata pelajaran ini tidak dikhususkan dengan teknik tertentu. Ia bergantung kepada kebijaksanaan guru tertentu yang bergantung kepada matlamat pengajaran mereka, pengalaman dan pengorbanan.

---

1) __________, Muzakirat Fi ᶜulumul Hadith, Buku Pelajaran Untuk-STA Dan STPM, STASAB, Pekan, 1989.
2) Ibid.
3) __________, Buku Panduan Pelajaran STASAB, STASAB, Pekan, 1989.

Ada yang memberi penekanan kepada ilmu Nahu Saraf kerana mereka beranggapan bahawa murid-murid yang memahami ilmu Nahu Saraf mudah memahami hadith.[1] Keupayaan para pelajar tentang Nahu Saraf diuji dengan menyuruh mereka membaca hadith mengikut kaedah yang betul. Terdapat juga ujian lisan setiap bulan.[2]

Ada guru yang mengutamakan memberi kefahaman makna atau maksud hadith dengan alasan bahawa tujuan mengajar hadith adalah untuk memberi huraian dan pengajaran hadith kepada pelajar-pelajar dengan harapan mereka dapat menghayati hadith itu di dalam kehidupan sehari-hari.[3] Ujian kefahaman dilakukan dengan mengajukan beberapa soalan selepas penerangan selama lebih kurang 5 minit. Setiap soalan yang tidak dapat diselesaikan akan ditunda pada masa akan datang untuk guru tersebut merujuk kembali kepada orang yang lebih arif.[4]

Guru-guru yang mengajar hadith di sekolah ini tidak mempunyai bidang yang khusus tentang hadith dan mereka tidak mengajar pelajaran hadith sahaja, malah semua mata pelajaran yang khusus dalam bidang Usuluddin, Syariah dan Lughah.[5] Walaubagaimanapun

---

1) Hj. Mohd. Shahir Hj. Abdullah, Masa Untuk Belajar Hadith Amat Terhad, Dakwah, Yayasan Dakwah Islam Malaysia, Kuala Lumpur, Oktober 1988, m/s 15.
2) Ustazah Sh.Khairiah Sy. Abd. Rahman, guru hadith, temuramah dengan penulis, rumah guru STASAB, 11.6.1989.
3) Hj. Mohd. Shahir Hj. Abdullah, op.cit.
4) Ustaz Zulkefli Hj. Hasanuddin, guru hadith, temuramah dengan penulis, bilik perpustakaan STASAB, 12.6.1989.
5) Ustaz Mohamad Bin Abu, Pengetua, temuramah dengan penulis, bilik pengetua STASAB, 12.9.1989.

kesemua guru-guru adalah lepasan ijazah.[1]

---

1) Ustaz Samad Yunus, guru penolong kanan, temuramah dengan penulis, bilik guru penolong kanan STASAB, 12.9.1989.

## BAB KETIGA.

## METODOLOGI PENYELIDIKKAN.

### 3.1.Pengertian Metodologi.

Metodologi adalah ilmu yang tersendiri dan sering dikaitkan dengan masalah sistem. Ia berasal daripada perkataan yunan; Methodos,yang bermakna cara atau jalan. Secara ilmu metod menyangkut masalah cara bekerja iaitu cara kerja untuk dapat memahami objek yang menjadi sasaran ilmu yang bersangkutan.[1] Metod-metod yang dipilih adalah dipertimbangkan mengikut kesesuaian objek kajian. Metod di dalam karya ilmiahnya mempunyai hubungan yang erat dengan masalah alat kerja dari cara bekerja. Bermakna metod mempunyai teknik dan penyesuaian tertentu.[2]

### 3.2. Pengertian Penyelidikan.

Dalam pengertian umum penyelidikan bermaksud perbuatan mempelajari, meneliti atau menyiasat untuk memahami atau mendapatkan keterangan tentang sesuatu perkara.[3]

---

1) Koentjaraningrat, Metode-metode Penelitian Masyarakat, PT.Gramedia, Jakarta, cetakan 9, 1989, m/s 7.
2) Ibid, m/s 8, 9.
3) Tuenku Iskandar, Kamus Dewan, Dewan Bahasa Dan Pustaka, Kuala Lumpur, 1986, m/s 1055.

Penyelidikan atau reserch mengikut "Ensyclopedia Of Social Sciences (1934)"[1] bermaksud;

" Manipulasi atau penggunaan bahan-bahan, konsep atau simbol-simbol bagi bertujuan generalisasi dan untuk menambah, membetulkan atau mengesah ketulusan sesuatu pengetahuan sama ada pengetahuan itu dapat menolong dalam pembentukan sesatu atau pengalaman sesatu seni. Seorang makenik atau ahli perubatan hanya akan dipanggil seorang penyelidik kalau sekiranya ia dapat membuat generalisasi tentang kesemua jenis kereta atau pesakit dalam kumpulan berkenaan ".

Penyelidikan ini bertujuan;

a) Melahirkan generalisasi atau rumusan umum.

b) Memperkembang, memperbetul atau mengesahkan kebenaran sesuatu pengetahuan.

c) Memecahkan sesuatu masalah.[2]

### 3.3. Pembahagian Dan Penggunaan Metodos.

#### 3.3.1.Metod Pengumpulan Data.

Metod pengumpulan data ialah metodos yang digunakan dalam mengumpulkan data-data dari dokumen-dokumen tertentu sebagai panduan kajian. Kajian dokumen-dokumen sebagai rujukan ini penting dan bertujuan seperti berikut;[3]

a) Membentuk dan memperbaiki konsep yang dipegang sebelum ini.

b) Menyarankan hepotesis baru iaitu satu perumusan sementara dari pada objek yang dituju. Tetapi hepotesis ini hanya bersifat cada

---

1) Idris Awang, Penyelidikan, Jenis Dan Metod, Akademi Islam, Universiti Malaya, Kuala Lumpur, 1988, m/s 18.
2) Ibid.
3) Koentjaraningrat, Metode-metode Penelitian Masyarakat, PT.Gramedia, Jakarta, cetakan 9, 1989, m/s 65.

ngan.

c) Untuk mengilustrasi teori dengan data dari dokumen. Dokumen lebih tinggi tingkatnya dari hepitesis yang mempunyai kemampuan interpretasi, analisa dan menerangkan dengan lebih jauh dari hepotesis.

d) Mencari pengertian sejarah tentang fenomena unit dengan data dokumen. Penulis cuba memperdalamkan pengertian mengenai bagaimana dan mengapa sesuatu gejala sosial berkembang.

e) Menyempurnakan sistem teori serta metodologi penelitian. Hal ini akan membantu penyempurnaan metodologi sebagai prosedur ilmiah yang tidak dapat dijalankan tanpa pertolongan teori-teori.

Metodos pengumpulan data yang digunakan oleh penulis ada 2 iaitu;

a) Kajian keperpustakaan (library reserch).

b) Kajian di lapangan (field reserch).

### 3.3.1.1. Kajian Keperpustakaan.

Penulis telah mengumpulkan bahan-bahan rujukan daripada berbagai perpustakaan untuk melengkapkan data-data. Dokumen-dokumen ini sebagai bahan klasik untuk meneliti perkembangan sejarah yang khusus digunakan untuk menjawab persoalan tentang apa, bila dan di mana.[1] Rujukan-rujukan tersebut ialah;

a) Dokumen-dokumen umum.

---

1) Koentjaraningrat, Metode-Metode Penelitian Masyarakat, PT.Gramedia, Jakarta, cetakan 9, 1989, m/s 47.

b) Sumber-sumber non-scholastik (buku pelajaran).

c) Surat khabar dan majalah-majalah.[1]

Dokumen-dokumen umum adalah sumber-sumber tertulis yang dimiliki atau dikeluarkan oleh lembaga-lembaga bukan pendidikan.[2] Penulis menggunakan sumber ini dalam menerangkan pengertian tajuk iaitu mengupas maksud sebenar yang dikehendaki oleh tajuk ini, landasan teori dan di dalam bab metodologi penyelidikan. Di dalam landasan teori penulis menggunakan dokumen ini untuk menerangkan tentang pengertian hadith, hubungan hadith dengan ilmu dan akhlak dan pendidikan Islam serta beberapa tajuk yang lain. Sumber-sumber yang sesuai diambil, digabung dan diseragamkan dengan teori teori sebenar tajuk.

Sumber-sumber non-scholastik ialah buku pelajaran sekolah tersebut (hadith) dan buku panduan matapelajaran tahunan untuk semua tingkatan. Di samping itu terdapat sebuah rujukan dari Majalah Tahunan sekolah. Sumber ini digunakan dalam bab pertama dan kedua iaitu dalam menerangkan latarbelakang masalah dalam bab pertama dan matapelajaran hadith dalam bab kedua.

Surat khabar dan majalah-majalah juga digunakan di dalam bab kedua iaitu landasan teori. Penulis telah mengambil sumber ini dalam menerangkan pendapat-pendapat mereka yang memperakui da

---

1) Imam Barnadib (Prof), Arti Dan Metode Sejarah Pendidikan, Yayasan Penerbitan FIP, Yogyakarta, 1975, m/s 62.
2) Ibid.

ta-data dari dokumen-dokumen tadi. Misalnya di dalam pengertian hadith dan hubungannya dengan Al-Quran. Hasilnya sumber ini dapat menguatkan sumber dokumen dan di dapati hadith dan Al-Quran tidak dapat dipisahkan dan sumber terpenting di dalam Islam.

Berita di dalamnya ada yang bersifat langsung dan tidak langsung kepada pendidikan.[1] Di dalamnya termuat berita-berita singkat, sederhana, mudah difahami dan laporan-laporan.[2] Surat khabar menjadi dokumen yang sangat penting dewasa ini sebagai suara orang ramai.[3] Majalah juga ada penulis peristiwa, laporan, analisa dan pengumuman mengenai kejadian-kejadian pendidikan seperti konperansi, seminar dan lain-lain. Ia menjadi sumber pertama pengumpulan data.[4]

Selain daripada yang tersebut di atas terdapat juga data-data yang saheh yang termuat di dalam lampiran. Bahagian lampiran disusun oleh penulis yang terletak di bahagian belakang kertas projek ini. Lampiran-lampiran tersebut ialah senarai nama guru-guru STASAB, senarai matapelajaran hadith, foto-foto, peta, salinan sijil-sijil dan sebagainya.

---

1) Imam Barnadib (Prof), Arti Dan Metode Sejarah Pendidikan, Yayasan penerbitan FIP, Yogyakarta, 1975, m/s 60.
2) Ibid, m/s 61.
3) Koentjaraningrat, Metode-Metode Penelitian Masyarakat, PT. Gramedia, Jakarta, cetakan 9, 1989, m/s 54.
4) Imam Barnadib (Prof), op.sit.

3.3.1.2. **Kajian Di lapangan.**

Kajian ini terbahagi kepada 3 iaitu;

a) Soal selidik.

b) Temuramah.

c) Observasi.

a) Soal selidik.

Soal selidik adalah rangkaian soalan yang selalu disebut sebagai item, yang dibentu khas dan mempunyai objektif tertentu yang dilaksanakan ke atas orang-orang tertentu pada suatu masa yang tertentu.[1] Orang-orang tertentu yang menjadi objek soal selidik ini dinamakan responden dan jawapan yang diberi dinamakan respons atau gerak balas.[2]

Metod ini bertujuan mendapatkan maklumat lengkap dan sulit daripada responden. Semua responden adalah di kalangan pelajar. Hanya 100 buah borang diedarkan kepada beberapa orang pelajar yang terlibat dengan pengajian hadith di sekolah ini. Borang itu diberikan kepada 10 orang guru yang terlibat sebagai guru kelas di mana setiap seorang diberikan 10 borang soal selidik untuk diisikan oleh beberapa orang pelajar sebagai wakil kelas tersebut. Guru-guru itu bertangungjawab memastikan borang-borang lengkap diisi dan dikembalikan semula kepada penulis melalui mereka.

---

1) Idris Awang, Penyelidikan, Jenis Dan Metod, Universiti Malaya, Kuala Lumpur, 1988, m/s 47.
2) Ibid.

PERPUSTAKAAN UNIVERSITI MALAYA

Borang soal selidik ini mempunyai dua sifat;

a) Close-ended, iaitu soalan yang berbentuk objektif di mana responden memilih jawapan yang paling sesuai dengannya sama ada satu atau lebih jawapan.

b) Open-ended, iaitu soalan-soalan yang berbentuk subjektif di mana responden dikehendaki menulis jawapan sendiri. Di sinilah responden terpaksa menggunakan kamahirannya sendiri.[1]

Fakta-fakta yang diperolehi daripada borang ini digunakan di dalam bab 4 iaitu analisa data.

b) Temuramah.

Temuramah atau interview adalah satu alat atau instrumen yang dirancang dan disusun rapi untuk mengumpulkan data-data yang telah ditentukan. Penulis telah pastikan jenis maklumat yang diperlukan.[2]

Penulis menjalankan temuramah berarah iaitu satu teknik pengumpulan data yang cukup teratur. Soalan-soalan disusun dengan rapi terlebih dahulu.[3] Keterangan dan penjelasan secara lisan cuba dikumpulkan dengan bercakap berhadapan muka dengan responden.[4] Semua responden diajukan pertanyaan yang sama dengan kata-kata dan

---

1) Abdul Halim Mat Diah, Kuliah Metodologi Penyelidikan yang diikuti oleh penulis, semester 5, sessi 1987/88.
2) Idris Awang, Penyelidikan, Jenis Dan Metod, Universiti Malaya, Kuala Lumpur, 1988, m/s 72.
3) Ibid, m/s 74.
4) Koentrajaningrat, Metode-Metode Penelitian Masyarakat, PT.Gramedia, Jakarta, cetakan 9, 1989, m/s 129.

[1]
tata unit yang seragam.

Masa yang digunakan oleh penulis untuk temuramah amat terhad iaitu selama setengah jam. Ini memandangkan masa rehat bagi seorang guru dan pelajar amat terhad. Walaubagaimanapun panjang dan pendek sesuatu temuramah bergantung kepada kelancaran temuramah dan gerak balas responden. Penetapan waktu dan tarikh adalah ditentukan oleh responden sendiri. Tetapi penulis ada juga memberi beberapa cadangan waktu dan tarikh untuk dipertimbangkan.

Temuramah dibuat dalam bentuk individu iaitu hanya dua orang terlibat antara responden dan penulis. Dengan cara ini responden akan bersedia dan berani untuk memberi respons dan komentarnya. Mereka bebas mengeluarkan pandangan dan penulis hanya mendengar dan mengiakan apa yang diperkatakan. Begitu juga dengan permilihan tempat. Kebanyakan temuramah dibuat di sekitar sekolah iaitu di bilik guru, bilik pengetua, perpustakaan dan bilik darjah bagi temuramah dengan pelajar.

Dalam pencatatan data temuramah, penulis menggunakan cara catatan langsung, iaitu mencatat terus data-data semasa temuramah dengan secepatnya. Alat recoding juga digunakan untuk memudahkan temuramah kerana dapat mencatat jawapan secara tepat dan sistematik.[2]

---

1) Koentrajaningrat, Metode-metode penelitian masyarakat, PT.Gramedia, Jakarta, cetakan 9, 1989, m/s 138.
2) Ibid, m/s 151 hingga 153.

Temuramah yang diadakan terbahagi kepada dua; temuramah dengan guru-guru dan temuramah dengan beberapa orang wakil pelajar. Mereka adalah individu yang terlibat secara langsung dengan pengajian hadith. Temuramah dengan guru-guru bertujuan untuk mengutip data-data misalnya sejarah penubuhan sekolah, teknik pengajaran, sistem pengajaran, objektif pengajaran dan lain-lain lagi. Begitu juga temuramah dengan beberapa orang pelajar yang diajukan persoalan misalnya minat mereka, kefahaman, penghayatan, amalam dan sebagainya tentang pengajian hadith.

c) Observasi (pemerhatian).

Ia dianggap satu penelitian ilmiah tetapi memerlukan masa yang banyak. Dengan ini akan terhasil pengetahuan-pengetahuan ilmiah tanpa memerlukan belanja yang besar.[1] Kegiatan penelitian ilmiah pada awalnya diarahkan kepada usaha untuk memperolehi sebanyak mungkin pengetahuan mengenai subjek tertentu. Kemudian ia akan berkembang sehinggalah dapat menyelesaikan masalah.[2]

Penulis menjalani tiga peringkat penelitian iaitu;[3]

a) Penelitian bersifat menjelajah bertujuan untuk memperdalamkan pengetahuan mengenai sesuatu gejala dengan maksud untuk merumuskan masalah secara lebih terperinci atau mengembangkan hepotesis.

b) Penelitian bersifat deskriptif, bertujuan secara tepat mengam

1) Koentrajaningrat, Metode-Metode Penelitian Masyarakat, PT.Gramedia, Jakarta, cetakan 9, 1989, m/s 108.
2) Ibid, m/s 109.
3) Ibid, m/s 29.

barkan sesuatu individu, keadaan dan gejala. Di samping itu ia juga bertujuan menentukan frekuansi sesuatu gejala.

c) Mempertegaskan hepotesis sehingga dapat membantu dalam pembentukan teori baru atau memperkuatkan teori lama.

Penulis telah menggunakan alat pembantu iaitu kamera. Foto foto penting diambil kerana ia mengambarkan peristiwa secara keseluruhan pada waktu tertentu.[1] Bermacam-macam kegiatan dirakamkan. Foto-foto tersebut ialah wajah orang, sekolah, kegiatan pelajar dan sebagainya yang diletakkan di dalam lampiran.

### 3.3.2. Metod Analisa Data.

Setelah data-data dikumpulkan ia mestikan diikuti dengan analisa data tersebut. Analisa merupakan puncak yang penting dan menentukan keputusan. Tahap yang terakhir ialah penemuan hasil. Data-data yang ada dikumpulkan dalam satu jumlah yang besar kemudian dikelaskan kepada bahagian-bahagian yang berasingan mengikut kumpulan masing-masing.[2]

Pada permulaannya penulis meneliti semula data-data yang ada untuk mengetahui apakah catatan yang ada mencukupi atau sebaliknya.[3] Penelitian kembali ini disebut "editing". Jawapan-jawapan yang telah ada diletakkan di bawah beberapa katogeri yang disebut

---

1) Koentjaraningrat, Metode-Metode Penelitian Masyarakat, PT.Gramedia, Jakarta, cetakan 9, m/s 122.
2) Ibid, m/s 269.
3) Ibid, m/s 270.

"koding"[1]

Setelah itu, frekuansi akan dibuat untuk menghitung berapa jumlah besarnya atau banyaknya data-data. Kerja ini dilakukan dengan tangan dan kalkulator (mesin pengira). Setiap jawapan akan dimasukkan kedalam katogeri yang bersangkutan iaitu dengan mencatat tanda-tanda pada kolum yang telah disediakan untuk katogeri tersebut.[2]

Kemudian proses "tabulasi" dijalankan iaitu menyusun data-data mengikut peratus. Tahap ini dianggap sebagai telah selesai proses analisa data kerana ia telah tersusun dalam satu pola formal yang terancang.[3]

Penulis telah menggunakan dua cara dalam menganalisa seluruh data iaitu;

a) Metod induktif.

b) Metod deduktif.

Metod induktif berfungsi di mana mengandungi fakta-fakta dan hepotesis yang dihimpunkan akhirnya sampai ke tingkat satu kesimpulan. Kesimpulan tersebut terhasil daripada suatu kesatuan huraian yang menerangkan suatu sebab dan akibat. Misalnya terdapat

---

1) Koentrajaningrat, Metode-metode penelitian masyarakat, PT.Gramedia, Jakarta, cetakan 9. m/s 272.
2) Ibid, m/s 278.
3) Ibid, m/s 279.

soalan kaji selidik berbentuk objektif, "apakah anda minat untuk mempelajari hadith?" dan "adakah anda faham pelajaran yang diajarkan?".

Manakala metod deduktif pula ditentukan subjek-subjek yang dianggap sebagai fakta dasar. Kemudian dikembangkan dengan lebih terperinci dengan menghuraikan sebab dan akibat. Seperti di dalam borang kaji selidik yang menyentuh soal nyatakan sebab-sebab dan alasan berlaku sesuatu perkara dan peristiwa.

Kajian ini secara keseluruhannya merupakan suatu statistik sosial yang menjuruskan pemerhatian bagaimana perkembangan sosial di dalam masyarakat membangun yang telah memberi peluang kepada pengembangan ilmu dan perlaksanaan akhlak sehingga manusia memperolehi manafaat daripadanya.

## BAB KEEMPAT.

## ANALISA DATA.

**4.1. Latarbelakang tempat kajian.**

**4.1.1. Bilangan pelajar yang terlibat dengan pengajian hadith.**

Pelajaran hadith merupakan salah satu sukatan pelajaran wajib bagi semua tingkatan bermula daripada tingkatan 4, STA dan STPM Syariah dan dikecualikan kepada STPM Usuluddin. Setiap tingkatan diberikan sukatan masing-masing dan tiada matapelajaran pilihan.

**4.1.2. Bilangan guru yang terlibat dengan pengajian hadith.**

Terdapat tujuh orang guru iaitu 3 lelaki dan 4 perempuan. Guru-guru ini tidak hanya dikhususkan kepada pengajian hadith tetapi diarahkan mengajar beberapa mata pelajaran yang lain. Setiap guru tidak sama jumlah kelas yang diajarkan. Bagi tingkatan 4, dua orang, tahun STA, empat orang dan untuk tingkatan STPM hanya seorang. Pembahagian ini menyelesaikan masalah kekurangan guru.

**4.2. Pengajian hadith di sekolah.**

**4.2.1. Masa pengajian hadith.**

Masa pengajian hadith telah disusun oleh jemaah penyusun sukatan pelajaran. Penetapan tersebut berdasarkan jumlah pelajaran berbanding jumlah jam seminggu. Bagi pengajian hadith masanya tidak sama antara tingkatan. Ada yang 160 minit seminggu dan 120

minit seminggu. Setiap kelas diberi masa 45 minit kecuali pada hari jumaat selama 35 minit sahaja.

Jumlah hadith yang selesai diajarkan selama seminggu bergantung kepada kecekapan guru tersebut mengolahkannya. Kebiasaannya hanya satu atau dua hadith yang dapat diselesaikan dalam masa dua minggu. Ia juga bergantung kepada panjang pendeknya sesuatu hadith dan panjang lebarnya huraian yang diberikan oleh guru dengan mengaitkan pelajaran pada isu semasa.

**4.2.2. Permilihan hadith dan syarat permilihan.**

Hadith-hadith yang dipilih telah dikumpulkan oleh jemaah Penyusun sukatan pelajaran yang terdiri daripada 9 orang. Bagi tingkatan 4 dan 5 terdapat 330 buah haduth dan $^{c}$ulum Al-Hadith, STA 20 buah hadith dan $^{c}$ulum Al-Hadith dan STPM 20 buah hadith dan $^{c}$ulum Al-Hadith.

Kesemua hadith terdiri daripada hadith sahih dan hadith Qudsi sahaja. Topik-topik perbincangan hadith berkisar kepada;

a) Matan dan Sanad hadith.

b) Makna perkataan ( معني المفردات )

c) Huraian ringkas hadith ( معني الاجمال )

d) Hukum-hukum syariat di dalam hadith ( احكام الشريعة )

e) Pengajaran hadith ( ما يستفاد من الحديث )

**4.2.3. Bilangan hadith yang berkaitan dengan ilmu dan akhlak.**

Bagi tingkatan 4 dan 5 semua hadith menjuruskan kepada pembentukan akhlak. Guru-guru banyak menekankan tentang amalan se suatu hadith dan mengaitkan kepada tingkah laku mereka seharian. Contohnya bagaiman mereka bergaul dengan ibubapa, rakan-rakan, ji ran dan sebagainya. Begitu juga bagaimana peribadatan mereka dan hubungan mereka dengan Allah. Guru-guru juga berusaha menunjukkan contoh teladan yang baik dan sentiasa memberikan kesedaran ten tang hormat menghormati terutamanya menghormati guru-guru dan di siplin sekolah.

Selain daripada itu terdapat dua cara bagaimana menambah kan pengetahuan mereka iaitu;

a) Sukatan pelajaran yang disediakan bukan sahaja menerangkan ha dith tetapi berkaitan juga dengan ilmu Muamalat, ilmu Nahu, ilmu Fiqh dan lain-lain lagi. Hadith merangkumi berbagai aspek ilmu.

b) Dengan cara guru mengaitkan pelajaran dengan isu semasa. Guru cuba mengembangkan hadith tersebut dengan melihat realiti hari i ni. Banyak kisah dan teladan dipaparkan. Dengan demikian para pe lajar dapat menggunakan hadith secara teori dan praktik.

**4.3. Peranan guru di dalam pengajian hadith.**

**4.3.1. Mengambil berat tentang kefahaman pelajar.**

Kebanyakan guru mengambil berat tentang kefahaman pelajar dengan menggunakan teknik untuk menaguji kefahaman tersebut ia

itu;

a) Bertanya sama ada mereka faham atau tidak selepas selesai setiap satu penerangan.

b) Menyuruh mereka membaca untuk mengetahui pencapaian bahasa.

c) Menyoal mereka sama ada ditentukan atau tidak.

d) Mengadakan ujian lisan dengan tidka menentukan hadith mana yang patut dihafal tetapi tidak lari daripada hadith yang dipelajari.

e) Mengadakan ujian bertulis setiap kali satu bab, sekali seminggu atau sekali sebulan.

Kebanyakan pelajar didapati lemah di dalam penguasaan Bahasa Arab. Dengan ini guru-guru terpaksa menggunakan Bahasa Malaysia sebagai bahasa pengantar bagi memastikan kefahaman mereka. Bahasa dijadikan perkara kedua penting selepas kefahaman.

**4.3.2. Objektif pengajian dan minat pelajar.**

Guru-guru mempunyai objektif yang sama di dalam tugas mereka kepada pengajian hadith. Para pelajar diberi kefahaman yang secukupnya tentang Seerah Rasulullah dan ilmu-ilmu yang terkandung di dalam hadith yang dipelajari. Matlamat terakhirnya ialah melahirkan pelajar yang beriman kepada Allah dan Rasulullah seterusnya beramal dengan ilmu yang dipelajari.

Minat para pelajar pula bergantung kepada beberapa aspek i

aitu;

a) Waktu pengajian. Apabila waktu tengahari ramailah yang mengantuk, jemu dan sebagainya.

b) Topik perbincangan. Para pelajar atidak sama jenis hadith yang diminatinya. Apabila hadith tersebut diminati maka perhatian akan diberikan. Begitulah sebaliknya.

c) Kecerdasan dan kesedaran seseorang pelajar. Masalah jarang timbul di dalam kelas yang pelajarnya pintar. Keadaan pelajar menyebabkan lahirnya kesungguhan untuk cemerlang di dalam pelajaran bukan sahaja pelajaran hadith tetapi semua pelajaran.

4.3.3. **Kesediaan mengajar.**

Setengah guru-guru menyediakan bahan-bahan dan isu-isu sebelum memasuki kelas. Mereka terlebih dahulu meneliti dan mengkaji hadith yang akan diajarkan.

Guru-guru tidak menggunakan alat bantuan mengajar selain daripada papan hitam. Terdapat juga guru-guru yang hanya membaca daripada buku yang tersedia kerana setiap pelajar memiliki buku tersebut dan bagi menjimatkan masa yang terhad.

4.3.4. **Keaktifan pelajar semasa pengajian.**

Keaktifan pelajar di lihat dari sudut tindak balas mereka kepada guru terlibat. Tindak balas tersebut ialah;

a) Menjawab persoalan yang dikemukakan oleh guru secara sukarela.

b) Menjawab persoalan yang dikemukakan oleh guru secara tunjuk.

c) Bertanya sekiranya tidak faham.

d) Ulangkaji pelajaran selepas kelas.

Terdapat 36% daripada pelajar yang berkerjasama sepenuhnya dengan guru terlibat. 38% lagi cuma melibatkan diri kadang-kadang dan 26% tidak berkerjasama dengan guru.

Ramai di kalangan pelajar berusaha untuk memahami pelajaran. Terdapat lebih daripada 50% yang berusaha mengambil beberapa tindakan sekiranya mereka gagal memahami pelajaran, 36% kadang-kadang berusaha dan 10% lagi tidak berusaha dan enggan mengambil sebarang reaksi di atas kegagalan mereka.

Mengulangkaji pelajaran di luar kelas (rumah atau asrama) memang suatu perkara yang sukar disebabkan tidak wajib sebagaimana di sekolah. Terdapat 76% daripada pelajar jarang mengulangkaji pelajaran. Manakala yang rajin berusaha hanya 16% dan 8% lagi tidak mengulangkaji pelajaran kecuali setelah hampir kepada peperiksaan.

Keaktifan pelajar juga dilihat dari sudut kerjasama yang mereka b rikan kepada guru yang bertugas. Kerjasama yang seperti berikut;

a) Berjumpa dengan guru selepas kelas jika tidak faham

b) Mengambil perhatian semasa pengajian sedang berjalan

c) mengajukan pertanyaan di kelas

d) Menyiapkan latihan-latihan

e) Mengambil pengajaran daripada hadith yang dipelajari

f) Perbincangan dengan guru dengan mengeluarkan pandangan masing masing

g) Meminta daripada guru buku-buku tambahan bagi menambah pengetahuan dan lebih menjelaskan.

Terdapat juga di kalangan pelajar yang enggan memberi kerjasama kepada guru-guru hadith. Ini di sebabkan;

a) Bimbang, takut dan ragu-ragu pendapat yang diberikan tidak memuaskan hati guru tersebut

b) Kurang pengetahuan

c) Malu

d) Mengikut rakan-rakan

e) Tidak memahami pelajaran.

4.3.5. **Kehadiran pelajar.**

Guru-guru bertanggungjawab memastikan para pelajarnya hadir setiap kali kelas dan menepati waktu. Setiap guru akan mencatat kehadiran pelajar di dalam buku rekod kehadiran matapelajaran pada setiap kali akan memulakan pengajian. Buku tersebut disimpan di dalam kelas masing-masing. Bagi pelajar yang ponteng tindakan tata-tertib akan dikenakan oleh pihak sekolah. Di samping itu pi

hak sekolah dapat mempastikan guru juga menjalankan tanggungjawab nya dan tidak ponteng kelas kerana kedapatan juga guru-guru yang mengabaikan tugas mereka.

Melalui program ini terdapat 44% daripada pelajar kadang-kadang tidak hadiri kelas dan 56% lagi tidak pernah ponteng kelas sepanjang tahun. Daripada jumlah tersebut 99% yang tidak hadir a dalah kerana sakit dan kecemasan.

## 4.4. Peranan pelajar di dalam pendekatan pengajian Hadith.

### 4.4.1. Tujuan mempelajari Hadith.

Ada beberapa tujuan dan hasrat pelajar di dalam penghaya tan mereka kepada Hadith. Sebahagian pelajar mempunyai beberapa tujuan pembelajaran sedangkan yang lainnya hanya menumpukan kepa da satu objektif. Objektif-objektif tersebuat ialah;

a) 92% bertujuan untuk menambah ilmu pengetahuan

b) 82% bertujuan untuk menambah keyakinan dan keimanan kepada Allah s.w.t.

c) 62% bertujuan memenuhi syarat sukatan pelajaran dan peperiksa an semata-mata

d) 10% bertujuan untuk memperbaiki akhlak.

e) 8% bercita-cita menjadi $^{c}$ulama' hadith

f) 4% untuk memperbaiki dan menambahkan amalan harian

g) 2% lagi untuk mengetahui Seerah(perjalanan hidup) Rasulullah.

4.4.2. **Minat dan kefahaman terhadap pengajian.**

88% di kalangan pelajar adalah meminati pengajian ini. Manakala 12% lagi minat mereka bergantung kepada topik perbincangan, keadaan, masa dan bersebab.

Minat mendalam yang tertanam itu adalah berdasarkan kepada keyakinan mereka bahawa hadith adalah panduan hidup muslim, menjamin masa hadapan, membentuk peribadi dan akhlak serta melahirkan muslim berilmu dan beriman. 100% pelajar bersetuju terhadap peranan hadith kecuali 6% daripada pelajar yang kurang yakin bahawa hadith dapat menjamin masa hadapan mereka. Bagi mereka pengajian hadith hanya beroreantasikan peperiksaan.

Menyentuh soal kefahaman, penerimaan mereka tidak sama antara satu sama lain yang dipengaruhi oleh banyak faktor. Terdapat 56% daripada pelajar yang mudah faham dan 44% lagi kurang memahami pelajaran yang diajarkan.

Faktor-faktor yang mempengaruhi kefahaman mereka ialah;

a) Minat yang mendalam

b) Mengetahui makna hadith

c) Mudah memahami hadith kerana pendek

d) Memahami kepentingan hadith

e) Menguasai Bahasa Arab

f) Memberi tumpuan semasa pengajian hadith.

Manakala kurang faham di kalangan pelajar di sebabkan;

a) Sukar memahami makna perkataan kerana tidak mengetahui atau ja rang mendengarnya

b) Kurang penumpuan semasa pengajian sedang berjalan

c) Penyampaian guru kurang jelas

d) Kesuntukan masa. Ada sebahagian guru mengajar dengan cepat

e) Hanya penumpukan kepada tajuk yang diminati

f) Mengantuk

g) Bosan.

Terdapat beberapa perkara yang mempengaruhi minat dan kefa haman mereka iaitu;

a) 86% lahir daripada kesedaran mereka

b) 84% datangnya daripada teknik dan pengajian yang disampaikan o leh guru tertentu

c) 70% daripada perbincangan

d)42% daripada kedudukan subjek hadith sebagai satu subjek yang mudah

e) 28% daripada mereka dipengaruhi oleh rakan-rakan

f) 26% dipengaruhi oleh ibubapa masing-masing

g) 4% dipengaruhi oleh huraian hadith yang banyak berbentuk ceri ta

h) 4% dipengaruhi oleh persaingan antara mereka

i) 2% dipengaruhi oleh pengajaran hadith.

Secara keseluruhannya 80% daripada pelajar yakin dengan pengajian dan teknik yang ada sekarang. Hanya 20% sahaja yang mencadangkan supaya teknik yang ada perlu dibuat sedikit pembaikian.

### 4.4.3. **Merealisasikan hadith di dalam kehidupan pelajar.**

Di antara pelajar tidak sama cara mereka memelihara dan mengekalkan hadith yang dipelajari. Ada yang hanya menyimpannya di- tempat yang selamat, mengamalkannya sebagai amalan harian, mempertahankannya dan menjadikannya sebagai hujjah dan rujukan. Terdapat 84% memelihara hadith dengan menjadikannya sebagai amalan harian, 50% mempertahankannya apabila ada sesuatu isu, 36% menyimpan buku-buku hadith di tempat yang selamat dengan membalut buku tersebut dan tidak menyepahkannya, 4% menjadikannya hujjah dalam ceramah, syarahan, perdebatan dan sebagainya dan 2% daripada pelajar kurang mengambil berat tentang hadith.

Berbagai usaha yang dilakukan di dalam mereka mengekalkan hadith tersebut. 80% daripada pelajar telah berusaha mengekalkan hadith dengan membaca, memahami, menghafal dan mengamalkannya. Sementara 20% lagi mengekalkannya dengan cara membaca, memahami, menghafal, berbincang, menulis semula hadith sebagai peringatan dan mengamalkannya.

Daripada kesedaran yang ada beberapa andaian telah ditaksirkan jika pelajaran ini tidak diajarkan di sekolah. 80% daripa

da pelajar akan mempelajarinya daripada buku-buku di pasaran, 46% akan belajar ilmu ini di masjid-masjid, surau-surau atau di mana ada majlis-majlis agama dan 16% lagi akan mempelajarinya daripada ibubapa mereka. Manakala 32% daripada pelajar mengandaikan mereka tidak akan ketahui bahawa adanya ilmu tersebut.

Secara keseluruhannya terdapat lebih kurang 80% daripada pelajar mengambil berat terhadap pelajaran ini. Sama ada mengam bilberat lebih daripada rakan mereka, sama seperti rakan mereka atau kadang-kadang lebih dan sama seperti rakan mereka.

Para pelajar telah mengambil beberapa pengajaran daripada hadith yang dipelajari. 12% daripada pengajaran hadith telah mem beri keinsafan kepada kebanyakan pelajar, 34% daripadanya dapat membentuk peribadi dan akhlak yang bertambah baik dan ramai yang berjaya menambahkan ilmu mereka terutamanya tentang perbuatan Ra sulullah, para sahabat, tokoh-tokoh hadith dan sebagainya. Mereka semakin yakin tentang kepentingan hadith sebagai panduan hidup in dividu dan berjemaah (sebagai pelengkap Al-Quran) sehingga mendo rong para pelajar lebih mempelajari ilmu pengetahuan yang lain. Pendek-kata, 70% daripada pelajar berjaya mengubah permikiran dan tradisi keilmuan mereka. Dalam pada itu hanya 10% daripada pela jar yang mengamalkan keseluruhan daripada hadith yang dipelajari.

**4.4.4. Pandangan pelajar tentang teknik pengajaran guru di sekolah.**

Teknik pengajaran guru menjadi isu perbincangan hingga kini. Teknik dikatakan berfungsi kuat dalam menentukan minat atau tidaknya dan faham atau sebaliknya para pelajar tentang pengajian tersebut. 30% daripada pelajar tidak memberikan sebarang komentar kepada masalah ini. 28% pula merasakan teknik pengajaran yang ada sekarang memuaskan dan tiada masalah. Sementara selebihnya telah memberikan pandangan masing-masing dan beberapa komen serta perasaan tidak puas hati mereka iaitu 42% daripada pelajar.

Sikap-sikap guru yang menjadi masalah kepada mereka ialah;

a) 16% mengatakan guru hanya bergantung kepada buku teks. Guru tiak atau jarang mengaitkan tentang perkara-perkara luar dan menyarankan buku-buku tambahan.

b)4% mengatakan guru kurang kesungguhan dan kurang mengambil hati pelajar. Akibatnya timbulah rasa bosan dan mengantuk.

c) 6% mengatakan guru hanya menitik-beratkan kefahaman sahaja dan sedikit menyentuh soal amalan

d) 4% mengatakan guru tidak memberi latihan di rumah

e) 4% mengatakan pengajaran hanya berbentuk teori dan tidak menyeluruh

f) 2% penyampaian guru tidak jelas

g) 2% kurang soal jawab.

Sementara sebab yang dilihat dari sudut pentadbiran pula

terbahagi kepada dua iaitu;

a) 10% mengatakan pengajian lebih beroreantasikan kepada peperiksaan

b) 2% mengatakan masa yang diperuntukkan tidak mencukupi berbanding dengan sukatan pelajaran.

**4.5. Hubungan pengajian hadith dengan tradisi keilmuan di sekolah.**

**4.5.1. Hadith sebagai tunjang ilmu pengetahuan yang kedua penting selepas Al-Quran.**

100% daripada pelajar percaya hadith dapat melahirkan insan berilmu dan beramal. Dalam pada itu hanya 72% meyakini dan 28 % tidak memberi sebarang komen dan tidak menyedari secara langsung perihal tersebut.

Ilmu pengetahuan yang dipelajari telah di yakini menjamin masa hadapan mereka yang mencapai 94% daripada jumlah semua pelajar. Manakala 6% lagi gagal mencari kebenarannya.

Perkara-perkara yang terhasil daripada ilmu pengetahuan yang bersumberkan hadith ialah;

a) Menjadi insan yang tinggi nilai agama

b) Memberi peringatan di dalam melakukan tindakan yang bertentangan dengan ajaran Rasulullah dan Allah

c) Memberi dorongan dan galakan dalam melakukan suruhan Allah dan

RasulNya

d) Membentuk manusia berilmu. Dengannya manusia dapat mengenali perkara yang baik dan buruk. Di akhirnya generasi Islam sebenar terbentuk

e) Membentuk keimanan yang sempurna kepada Allah

f) Menyebarkan ilmu kepada orang lain

g) Ia merupakan syarat sukatan pelajaran untuk menduduki peperiksaan bagi mendapatkan sijil. Dengan sijil yang ada, pelajar boleh mengembangkan pengetahuan yang ada ke peringkat yang lebih tinggi lagi. Di samping itu ia dapat menjamin pekerjaan di masa akan datang.

**4.5. Hubungan pengajian hadith dengan pembentukan akhlak.**

100% daripada pelajar mengakui bahawa hadith dapat membentuk akhlak mereka. Terdapat beberapa perubahan pada pelajar berbanding dengan sebelum ini. Semakin tinggi pengajian mereka semakin banyak perubahan yang dapat dilihat. Perubahan yang berlaku tidak secara mendadak tetapi beransur-ansur. 80% daripada guru mengakui adanya perubahan tersebut tetapi tidak ketara. 20% lagi merasakan keadaan pelajar sekarang sama seperti mereka menjadi pelajar di sekolah ini satu masa dahulu iaitu lebih kurang 5 hingga 7 tahun yang lalu.

Beberapa perubahan tersebut ialah;

a) Menambah amalan dan berusaha meningkatkan prestasi akhlak

b) Menjaga batas-batas pergaulan lelaki dan perempuan

c) Menjadikan hadith sebagai muhasabah diri

d) Lebih bersifat berani dalam mengeluarkan pandangan mereka

e) Bertambah minat untuk mempelajari ilmu

f) Ramai yang mengikut peraturan dan disiplin sekolah

g) Berkurangnya jumlah pelajar ponteng kelas

h) Lebih banyak berfikir tentang penciptaan Allah

i) Berhujjah dengan orang bukan Islam bahawa Islam bukan agama teori semata-mata tetapi praktikal dan realistik. Setiap pengajaran agama adalah perkara mudah dan mampu dikerjakan oleh pengikut Nya

j) Menjadi simbol kepada masyarakat dengan akhlak yang baik.

Terdapat 90% daripada pelajar mengakui bahawa hadith dapat membentuk akhlak dan berdisiplin terhadap tata-tertib sekolah dengan syarat hadith yang dipelajari diamalkan. Ilmu sahaja tanpa amal tidak akan menjamin kebahagian dan keimanan seorang muslim sejati. Sementara 10% lagi tidak memberi sebarang komentar. Mereka percaya ilmu pengetahuan adalah dasar untuk mengamalkan sesuatu. pada peringkat awal amalan tidak penting berbanding dengan ilmu pengetahuan kerana apabila sudah ada ilmu amalan dapat dikerjakan cuma sedikit atau banyak dan lambat atau cepat perubahan yang berlaku.

Secara keseluruhannya 96% meminati bab akhlak. Terdapat ju

ga bab-bab yang lain yang terhimpun di dalam ciri-ciri ilmu yang dapat membantu pembentukan akhlak mereka. 84% daripada pelajar meminati bab akidah, 58% meminati bab taharah, 72% meminati bab puasa, 34% meminati bab zakat, 62% meminati bab perniagaan, 26% meminati bab haji, 10% bab jenayah, 6% bab pemerintahan Islam dan 4% lagi meminati semua hadith. Bermakna 96% daripada pelajar meminati bahagian-bahagian tertentu di dalam keseluruhan hadith sahaja.

**4.7. Permasalahan pelajar sepanjang pengajian.**

Apabila sebut tentang masalah terdapat tiga golongan pelajar iaitu;

a) Mereka yang mempunyai banyak masalah

b) Mereka yang kadang-kadang mempunyai masalah

c) Mereka yang tiada masalah.

Ada beberapa masalah yang mereka hadapi iaitu;

a) 50% lemah di dalam penguasaan Bahasa Arab

b) 34% daripada pelajar bosan disebabkan pengajian tidak dikaitkan dengan faktor luar

c) 30% daripada pelajar tidak faham

d) 18% daripada mereka mengantuk

e) 14% sukar mengingat terutamanya hadith yang panjang dan apabila ingat mudah pula lupa

f) 8% menganggap masa terhad

g) 6% gementar untuk bertanya

h) 4% malas

i) 4% kurang minat terhadap pelajaran

j) 4% tiada konsentrasi kerana kebisingan kelas dan kurang kawalan daripada ketua kelas. Sementara ketua kelas pula tidak mendapat kerjasama yang baik daripada pelajar

k) 4% mengatakan guru jarang-jarang masuk ke kelas.

Dalam pada itu 26% daripada pelajar tiada menghadapi masalah disebabkan minat, perhatian dan dorongan yang cukup diberikan kepada mereka oleh pihak tertentu.

## 4.8. Cadangan-cadangan pelajar dalam memperbaiki kedudukan pengajian hadith dan sikap pelajar.

Ada beberapa cadangan di dalam usaha mereka memperbaiki mutu pelajaran dan akhlak serta disiplin sekolah. Cadangan-cadangan itu seperti berikut;

a) Lebih banyak mengaitkan pelajaran dengan isu semasa

b) Guru patut memperbaiki mutu persembahan mengajar

c) Menambah masa pengajian hadith

d) Guru patut menepati tarikh untuk ujian mingguan atau bulanan

e) Guru sepatutnya menguji kembali pengajian yang lepas setiap kali akan memulakan pelajaran baharu.

Terdapat juga para pelajar yang berpuas hati dengan apa yang ada sekarang dan menganggap kesilapan sebenarnya datang daripada diri pelajar sendiri.

# BAB KELIMA.

# PENUTUP.

## 5.1 Kritik dan komentar penulis.

### 5.1.1. Sikap guru.

Teknik pengajaran guru-guru terlibat ada persamaan dan perbezaannya. Sikap yang terhasil itu adalah dilihat daripada berbagai sudut iaitu perkara-perkara yang mempengaruhi persamaan dan perbezaan tersebut. Perkara-perkara tersebut ialah;

a) Telah mempunyai sijil perguruan. Maktab-maktab telah mendedahkan kepada mereka berbagai teknik pengajaran, psikologi dan motivasi.

b) Telah mempunyai Diploma perguruan. Kedudukannya sama seperti di atas.

c) Mempunyai pengalaman yang lama.Pengalaman yang panjang dapat menanggapi banyak permasalahan dan berjaya mengatasinya di sebabkan permasalahan yang sama berulang. Di samping itu terdapat juga guru seperti ini tidak mengikuti perkembangan semasa dan pertumbuhan pelajar mengikut era.

d) Guru sandaran terlatih. Guru seperti ini banyak menghadapi masalah terutamanya menyesuaikan diri dengan guru-guru dan pelajar. Mereka juga kurang pengalaman dan tiada kursus tertentu tetapi hanya melihat pengalaman orang lain dan tunjuk ajar mereka. Pengajaran mereka juga kurang berkesan.

Di antara persamaan mereka ialah;

a) Matlamat pengajian. Mereka mempunyai matlamat yang sama iaitu mengenengahkan peribadi Rasulullah untuk mereka amalkan dan menambah ilmu pengetahuan mereka tentang Islam.

b) Menekankan soal kefahaman pelajar. Guru seboleh-bolehnya ingin semua pelajarnya dapat mengikuti pelajaran dan faham. Mereka sentiasa mengulang beberapa kali perkara yang sama. Pengulangan perkara yang lepas amat penting untuk mengingat kembali kerana kebanyakan pelajar tidak mengulangkaji atau membaca pelajaran tersebut selepas kelas melainkan hampir peperiksaan. Mereka hanya mengharapkan guru.

